

Jilid III  
Bil. 39



Hari Isnin  
14hb November, 1977

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 4389]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 [Ruangan 4417]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1978 [Ruangan 4417]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., E.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai)
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SERI DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN S SUBRAMANIAM** (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.** (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N.** (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, **TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N.** (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, **TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.F.** (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, **DR. LING LIONG SIK** (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN** (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN** (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING** (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, **DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J. S.M.J., A.M.N.** (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N.** (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH** (Panti).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.** (Pengkalan Chepa).
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M.** (Padang Rengas).
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Alor Gajah).
- „ **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S.** (Payang).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K.** (Ulu Padas).
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K.** (Dungun).
- „ **DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S.** (Machang).
- „ **TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N.** (Raub).
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N.** (Kapit).

- Yang Berhormat **TUAN ARU BAKAR BIN ARSHAD** (Hilir Perak).
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K.** (Kota Star).
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN** (Jasin).
- „ **PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K.** (Kinabatangan).
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR** (Padang Terap).
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K.** (Labuk Sugut).
- „ **TUAN A. K. ALIUDDIN** (Kimanis).
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD** (Permatang Pauh).
- „ **TUAN AU HOW CHEONG** (Telok Anson).
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.** (Kulim Bandar Bharu).
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM** (Batang Padang).
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K.** (Tuaran).
- „ **DR. CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI** (Batu Gajah).
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG** (Sarikei).
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN** (Rengam).
- „ **PUAN CHOW POH KHENG** (Selayang).
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI** (Serian).
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S.** (Batang Lupar).
- „ **TUAN FAN YEW TENG** (Menglembu).
- „ **TUAN FARN SEONG THAN** (Sungei Besi).
- „ **DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.** (Semerah).
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK** (Simunjan).
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH** (Keningau).
- „ **TUAN HASHIM BIN GHAZALI** (Matang).
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K.** (Arau).
- „ **DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S.** (Ayer Hitam).
- „ **TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA** (Maran).
- „ **TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S.** (Johor Bahru).
- „ **TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K.** (Tanjong Karang).
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG** (Lubok Antu).
- „ **TUAN LATIP BIN HAJI DRIS** (Mukah).
- „ **TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K.** (Mantin).
- „ **TUAN LEE LAM THYE** (Kuala Lumpur Bandar).

- Yang Berhormat TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- ” TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, D.K.I.S. (Pekan).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HENG (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibü).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.-A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb November, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

HUKUMAN GANTUNG SAMPAI MATI

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar kes-kes hukuman gantung sampai mati yang telah dijatuhkan oleh mahkamah belum lagi dilaksanakan; jika sedar,

- (a) berapa ramaikah yang telah menerima hukuman gantung sampai mati yang masih belum menerima hukumannya; dan
- (b) apabila seseorang salah yang telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh mahkamah tetapi masih tidak berjalan, sampai bilakah baharu hukuman tersebut akan dijalankan.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan orang-orang yang telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati yang masih belum digantung ialah seramai 57 orang.
- (b) Hukuman tidak akan dijalankan sehingga rayuan ulang bicara mahkamah dan Badan Pengampunan Negeri selesai. Ada kala proses rayuan itu mengambil masa sehingga dua tahun.

KEDAI-KEDAI DIBUKA PADA  
MASA CUTI UMUM

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat pekedai-pekedai yang membuka kedai-kedai mereka pada masa cuti umum menyambut ulang tahun Kemerdekaan baru-baru ini dan di masa-masa yang lain. Jika ya, samada Kerajaan akan mengadakan undang-undang supaya semua kedai ditutup semasa cuti umum seumpama itu.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa terdapat pekedai-pekedai yang membuka kedai-kedai pada masa cuti umum dan termasuk juga Hari Kebangsaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Ordinan Cuti Rihat Mingguan, 1950 yang berkuatkuasa sekarang ini ada beberapa kategori kedai-kedai yang dikehendaki ditutup pada 5 hari cuti am setahun. Akan tetapi Ordinan ini tidak menetapkan di antara hari-hari itu hendaklah Hari Kebangsaan walau bagaimanapun, Ordinan itu juga telah mengecualikan beberapa jenis perniagaan yang dimaksudkan itu termasuklah pasarama (supermarket), emporium, petrol kiosk, kedai-kedai menjual ubat, penjualan surat-surat khabar, kedai-kedai dobi dan lain-lain. Tetapi pekerja-pekerja di perniagaan-perniagaan ini hendaklah diberi cuti selama 5 hari itu walaupun kedai-kedai itu tidak ditutup.

Kerajaan tidak bercadang untuk membuat undang-undang baru atau pindaan kepada undang-undang yang ada yang menghendaki

semua kedai-kedai ditutup pada masa cuti am kerana Kerajaan berpendapat bahawa pada hari cuti am pun lain-lain aktiviti juga perlu diteruskan. Oleh yang demikian kedai-kedai ini dibuka hanya untuk kepentingan dan keperluan orang ramai.

### LALULINTAS UNTUK SELAT MELAKA

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah kemajuan hingga kini telah dicapai dalam merumuskan suatu sekim memisah lalulintas untuk Selat Melaka yang akan memberi faedah kepada Malaysia, Singapura dan Indonesia.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, sekim Lalulintas untuk Selat Melaka telah disediakan oleh Pakar-pakar daripada ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia dan sedang ditimbang oleh IMCO (Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation).

IMCO Sub-Committee on Safety Navigation pada 5-9 September, 1977 telah mengkaji sekim Lalulintas yang mengandungi peraturan-peraturan yang perlu untuk mengawal pelayaran kapal-kapal besar termasuk tangki-tangki minyak, had laju dan minima 'under keel clearance'.

Sekim tersebut telah dikemukakan kepada IMCO Maritime Safety Council pada 10hb Oktober, 1977 dan akan dibawa ke Persidangan IMCO yang Ke-10 yang akan bermula pada 7hb November, 1977 untuk timbangan dan kelulusan. Setelah Sekim tersebut diluluskan oleh IMCO Assembly ianya hendaklah dipatuhi oleh semua kapal-kapal yang belayar melalui Selat Melaka.

Saya diberitahu perkara itu akan ditimbang di dalam mesyuarat esok di London.

### NELAYAN DALAM PROJEK MAJUIKAN

4. **Tuan Oo Gin Sun** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah bilangan nelayan di Semenanjung Malaysia;
- (b) jumlah bilangan nelayan yang terlibat di dalam berbagai projek MAJUIKAN; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan lebih ramai nelayan mengambil bahagian dalam projek-projek ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan nelayan-nelayan dalam tahun 1976 kira-kira 72,000 orang.
- (b) bilangan nelayan-nelayan yang terlibat dalam projek MAJUIKAN:

- (i) Projek-projek menangkap ikan dengan menggunakan bot-bot pukut tunda, pukut jerut dan bot serbaguna 858
- (ii) Projek memelihara kerang (bilangan nelayan yang terlibat pada satu-satu masa bergantung kepada jenis aktiviti yang sedang dijalankan pada ketika itu seperti menabur benih, memungut kerang dsb.) 920

Jumlah 1,778

- (c) langkah-langkah yang diambil untuk menambah bilangan nelayan mengambil bahagian dalam projek-projek itu:

- (i) menambah bilangan bot;
- (ii) menambah dan meluaskan kawasan pemeliharaan kerang; dan
- (iii) mengkaji kemungkinan mengadakan projek-projek lain seperti memelihara ikan, ketam dan sebagainya.

## LADANG-LADANG PECAHAN

**5. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat dalam negeri ini tuanpunya-tuanpunya kebanyakan ladang-ladang pecahan (ladang getah besar yang dipecah-jual) tidak memberi layanan yang sewajarnya kepada buruh-buruh di dalam ladang-ladang itu sebagaimana yang boleh dilihat dengan rumah-rumah pekerja yang buruk dengan lantai pecah, bumbung-bumbung yang bucur, tidak ada bekalan air minum atau kemudahan jamban, jalan-jalan masuk ke ladang-ladang berlobang-lobang, tidak ada pengangkutan untuk membawa anak-anak buruh ulang-alik ke sekolah-sekolah dan lain-lain kemudahan masyarakat; jika ya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh tuanpunya kebun-kebun untuk memperbaiki keadaan tersebut yang pernah disyaratkan oleh pihak Kementerian.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa keadaan hidup di kebanyakan ladang-ladang getah yang dipecah-pecah (fragmented), adalah tidak memuaskan, dan Kementerian saya telah juga menghadapi masalah-masalah terutama dalam menguatkuasakan Undang-undang Buruh yang berkaitan dengan perumahan pekerja-pekerja di tempat-tempat ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila sebuah ladang itu dipecah-pecahkan, ianya dijual kepada beratus-ratus orang, termasuk juga setengah bekas pekerja-pekerja di ladang itu sendiri. Oleh yang demikian, banyak bahagian-bahagian yang dipecah-pecahkan dipunyai dan diduduki oleh tuanpunya sendiri tanpa menggaji pekerja-pekerja yang lain.

Keadaan rumah-rumah pekerja dan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh majikan adalah dikawal di bawah Akta (Piawai Minimum Perumahan) Pekerja, 1966 — dan dengan Kuasa Akta ini Kementerian saya telah dapat memajukan keadaan perumahan pekerja di banyak tempat pekerjaan, tetapi adalah rumit

untuk kuatkuasakan Akta ini di tempat-tempat pekerjaan yang kecil, seperti ladang-ladang yang telah dipecah-pecahkan, kerana biasanya majikan itu tidak mampu melaburkan modal yang besar untuk kemudahan-kemudahan ini. Tambah pula, di ladang-ladang kecil seperti ini pekerja-pekerja biasanya ditempatkan di rumah-rumah yang telah didirikan di satu pusat, oleh ladang-ladang besar dahulu, sebelum ladang itu dipecahkan dan bukan di atas tanah majikan baru. Ini membangkitkan complication yang besar untuk menggunakan kuasa Akta Perumahan di atas majikan-majikan itu.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah berusaha seberapa yang boleh untuk memperbaiki taraf perumahan dan kemudahan yang lain bagi pekerja-pekerja yang digaji di ladang-ladang yang dipecah-pecahkan. Di Negeri Kedah, umpamanya, kami telah cuba menggunakan Kedah Health Board untuk mengadakan bekalan air dan kemudahan perubatan untuk pekerja-pekerja ini — tetapi kemajuan yang dicapai adalah masih terhad, kerana kekurangan kewangan dan masalah-masalah mengumpulkan segala majikan untuk rancangan-rancangan ini. Kementerian saya akan terus berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Saya boleh mengatakan di sini juga bahawa, sejak pindaan dibuat ke atas Kanun Tanah Negara pada tahun 1969 untuk mengawal pemecahan ladang-ladang dengan menubuhkan Estate Land Board di negeri-negeri, masalah pemecahan ladang-ladang telah dapat dihadkan dan dikawal.

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah:** Soalan tambahan. Setakat hari ini bagaimana sambutan tuan-tuan punya kebun yang dipecah-pecahkan itu terhadap usaha, nasihat dan kuatkuasa Kementerian yang telah dijalankan.

**Tuan K. Pathmanaban:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sambutan itu tidak menggalakkan. Di satu atau dua buah ladang di

Negeri Kedah, kita telah dapat menubuhkan sekim di bawah Kedah Health Board tetapi sekim-sekim itu pun sedang menghadapi masalah seperti yang saya katakan tadi.

### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA — KENYATAAN PERDANA MENTERI

6. **Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar kenyataan beliau yang mengatakan beliau mempertarungkan masa depan politiknya atas kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga telah mengakibatkan rasa bimbang di kalangan pelabur-pelabur tempatan dan asing kerana mereka berpendapat akan terdapat kawalan kerajaan yang lebih ketat, pembelian saham secara wajib atau hakmilik-negaraan ataupun "expropriation".

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa kenyataan saya itu telah membangkitkan rasa bimbang di kalangan pelabur-pelabur tempatan dan asing sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kenyataan saya itu adalah bertujuan hendak memberi jaminan dan menegaskan bahawa apa yang dijanjikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan dilaksanakan oleh Kerajaan yang dipimpin oleh saya. Kalau dibaca dengan berhati-hati kandungan dokumen Rancangan Malaysia Ketiga itu, pihak swasta, termasuklah pelabur-pelabur tempatan dan asing adalah digalakkan memainkan peranan dan tanggungjawabnya. Dengan yang demikian, Kerajaan tentulah tidak akan membuat apa-apa yang boleh mengancam faedah dan hak pihak swasta. Sebagai bukti, pagi ini saya telah merasmikan Conference bersama pihak swasta Malaysia dan Jepun yang bertujuan mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi di antara pihak swasta Malaysia dan Jepun.

### CERMIN HITAM (TINTED GLASS)

7. **Tuan Sanusi bin Junid** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa pada masa sekarang ini banyak lagi kereta-kereta yang menggunakan cermin hitam. Sejauhmanakah pihak Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan terhadap kereta-kereta yang tersebut.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa satu undang-undang mengenai penggunaan cermin gelap atau tinted glass dijangka akan diluluskan tidak berapa lama lagi.

### AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969

8. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau bercadang membuat pindaan kepada Fasal tertentu dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969):

- (a) untuk mengira bayaran faedah (benefit), bukan berdasarkan atas "gaji" seperti yang ditafsirkan bawah Seksyen 2 (2) dalam Akta itu tetapi berdasarkan atas jumlah pendapatan bulanan pekerja itu; dan
- (b) meminda Seksyen 31 Akta tersebut yang nampaknya merampaskan hak-hak pekerja untuk mendakwa sesuatu Majikan melalui Common Law atas kesalahan kelalaian (Negligence).

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya. Kementerian saya sedang menimbang dengan seriusnya cadangan hendak memindah tafsiran gaji seperti yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969, supaya termasuk semua jumlah pendapatan

bulanan pekerja itu. Apabila ini dilaksanakan asas mengira bayaran faedah akan lebih tinggi daripada sekarang oleh kerana beberapa jenis elaun yang tidak dikira pada masa ini akan dimasukkan.

- (b) Kementerian saya pada masa ini sedang membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai implikasi memindah Seksyen 31 dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan oleh semua pihak. Keputusan akan dibuat sebaik-baik sahaja kajian yang dijalankan itu selesai.

#### TEKSI/MINI BAS

9. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada Kementerian telah sedia mengadakan quota tertentu bagi pengeluaran permit-permit teksi dan Bas Mini di Negeri-negeri dalam Malaysia Barat, jika sedar apakah sistem mengeluarkan permit-permit yang berkenaan patut dipinda.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas maksudnya. Walau bagaimanapun, jika sekiranya yang dimaksudkan ialah quota kepada kaum-kaum, ingin saya memaklumkan bahawa dasar ini belum lagi dijalankan.

#### SEKOLAH MENENGAH DAERAH LOWER SADONG

10. **Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk membina sebuah lagi sekolah menengah di Simunjan memandangkan bertambah bilangan murid-murid sekolah dari sekolah rendah masuk ke sekolah menengah.

Jika ada, bilakah agaknya pembinaan itu akan dilaksanakan dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah menengah baru dalam Daerah Lower Sadong telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kajian sedang dijalankan untuk mendapatkan satu tapak yang sesuai. Sebaik sahaja proses ini selesai, perancangan yang lengkap akan dimulakan supaya tender untuk pembinaan sekolah baru itu boleh dikeluarkan pada tahun 1978.

#### PINJAMAN DARIPADA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARA BANGSA

11. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Kewangan menyatakan iaitu oleh kerana sudah menjadi suatu perkara yang nyata, bahawa, Rantau ASEAN tiada pun mendapat walau satu pinjaman daripada Cawangan Pinjaman Ringan Bank Dunia, iaitu Persatuan Kemajuan Antarabangsa, yang telah memberi pinjaman sebanyak 1.3 billion wang Amerika kepada 36 buah negeri dalam tahun ini sama ada Menteri Kewangan di dalam Persidangan Bank Dunia baru-baru ini, bersama-sama dengan lain-lain Gabenor ASEAN telah menekankan untuk mengetahui dengan jelas tentang dasar-dasar atau polisi-polisi Persatuan Kemajuan Antarabangsa buat masa hadapan supaya Negara-negara ASEAN khususnya Malaysia boleh juga dapat kemudahan-kemudahan pinjaman ringan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa Yang Berhormat katakan iaitu negara-negara di rantau ASEAN pada tahun ini tidak mendapat satu pinjaman pun dari Persatuan Pembangunan Antarabangsa (PPA) tetapi ini tidak bermakna bahawa negara-negara ini tidak layak menerima pinjaman cara iringan. Negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand dan Filipina pernah menerima pinjaman dari PPA pada tahun-tahun yang lepas. Indonesia misalnya,

sehingga masa ini telah mendapat pinjaman sebanyak AS\$561.8 juta untuk 38 projek, Filipina mendapat sebanyak AS\$32 juta untuk satu projek sementara Negeri Thailand pula pernah menerima pinjaman sebanyak AS\$32 juta untuk 3 projek. Ingin saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Negara Singapura adalah bukan ahli Persatuan Pembangunan Antarabangsa dan oleh yang demikian tidak layak mendapat sebarang pinjaman dari PPA.

Memang benar negara kita tidak mendapat sebarang pinjaman atau bantuan dari PPA, kerana negara kita adalah dianggap sebagai negara yang lebih maju di antara negara-negara yang membangun. Tujuan utama PPA ialah untuk membantu negara-negara ahli yang miskin dan oleh yang demikian dalam usaha memberi pinjaman kepada negara-negara ahli yang miskin PPA berpandukan kepada kedudukan di dalam sesebuah negara iaitu, kemiskinan, jumlah penduduk, kurangnya keupayaan mendapat pinjaman jangka panjang dari sumber-sumber lain dan prestasi ekonomi satu-satu negara itu. Berdasarkan pada garis-garis panduan ini, PPA telah menganggap bahawa negara kita tidak layak menerima pinjaman atau kredit darinya.

Memandang kepada keperluan-keperluan yang mendesak dari negara-negara miskin untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman dari PPA, Menteri-menteri Kewangan negara-negara ASEAN merasa tidak perlu membincangkan perkara ini semasa kami menghadiri Persidangan Tahunan Bank Dunia/Kumpulanwang Antarabangsa di Washington.

### AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

12. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa:

- (a) kini ramai daripada bakal-bakal pelabur-pelabur tempatan mahupun asing, merasa ragu-ragu untuk me-

labur di Malaysia kerana terdapat terlalu banyak peraturan dan undang-undang yang dikenakan ke atas perindustrian, khususnya dengan pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian (I.C.A.);

- (b) banyak usaha Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (F.I.D.A.) untuk menarik lebih ramai lagi pelabur telah gagal, akibat dari pelaksanaan Akta tersebut; dan
- (c) kesemua Dewan Perniagaan China dalam negeri telah membantah dengan sekeras-kerasnya tentang pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian. Jika benar, adakah beliau, demi kemajuan perindustrian akan menimbang semula atau menangguhkan pelaksanaan Akta tersebut sehingga suatu suasana pelaburan dan perkembangan perindustrian yang lebih baik tercapai dan dapat menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terlebih dahulu ingin saya nyatakan di sini bahawa semua negara-negara dan bukannya Malaysia sahaja yang menghadapi kesusahan dalam menarik pelaburan. Oleh itu tidak ada sebabnya kenapa peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada dan khususnya Akta Penyelarasan Perindustrian dianggap telah mengakibatkan sebarang penjejasan sebenar kepada iklim pelaburan di Malaysia. Kemelesetan ekonomi sedunia telah menyebabkan syarikat-syarikat, terutama di negara-negara maju mengalami keadaan dalam mana daya pengeluaran yang berlebihan dan ada pula yang telah bangkrap. Oleh itu, dengan adanya masalah-masalah ekonomi di negara-negara mereka sendiri, syarikat-syarikat ini pasti tidak akan begitu

mudah untuk menubuhkan syarikat-syarikat di seberang laut.

- (b) Bolehlah dikatakan bahawa tugas LKPP untuk menggalakkan pelaburan ke Malaysia telah tergugat bukan disebabkan oleh Akta Penyelarasan Perindustrian tetapi oleh keadaan-keadaan kemelesetan ekonomi yang ada. Ingin saya nyatakan bahawa dalam rombongan-rombongan anjuran pelaburan yang saya ketuai di negara-negara asing, saya telah berpeluang menerangkan mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian kepada bakal-bakal pelabur dan saya yakin bahawa kebanyakan daripada keraguan-keraguan pihak-pihak pelabur mengenai undang-undang ini telah dihapuskan. Dan dengan yang demikian, adalah tidak benar yang Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah gagal untuk menarik lebih ramai para pelabur. Jika ditinjau dari segi bilangan permohonan-permohonan untuk projek-projek baru dan untuk pembesaran dan memproses barang-barang tambahan yang diterima di antara bulan Januari hingga September 1977, sebanyak 319 permohonan telah diterima berbanding 310 permohonan dalam tahun 1976 dan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat kejatuhan yang besar minat para pelabur untuk melabur di Malaysia.
- (c) Saya sedar bahawa kesemua Dewan Perniagaan China telah membantah tentang pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian. Tetapi Kerajaan tidak bercadang untuk menimbang semula atau menangguhkan pelaksanaan Akta tersebut kerana pada pendapat saya pindaan-pindaan yang telah dibuat ke atas Akta itu baru-baru ini selepas berunding dengan pihak swasta telah dapat menghapuskan kebimbangan dan kekhuatiran sektor swasta terhadap Akta ini. Pihak Kerajaan ingin melihat Akta ini dikuat-

kuasakan, dan jika dalam masa pelaksanaannya didapati ada perkara-perkara yang betul-betul menghalang perjalanan perusahaan yang licin, kita bersedia menimbang mengadakan perubahan-perubahan yang sesuai kepada undang-undang yang ada untuk menjamin kemajuan yang pesat di bidang perusahaan. Saya juga berpendapat Akta tersebut tidaklah menghalang, tetapi sebaliknya menggalakkan lagi, kemajuan perindustrian di negara ini oleh kerana salah satu tujuan utama Akta tersebut ialah memastikan kemajuan perindustrian yang sihat dan teratur di dalam negara kita.

### PERSATUAN PELADANG

13. **Datuk Stephen Yong Kuet Tze** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau akan menggalakkan supaya Persatuan Peladang ditadbirkan oleh jawatankuasa yang dipilih dan bukan diuruskan oleh Pegawai Pertanian Kerajaan, iaitu apabila persatuan itu terbentuk.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Peladang memang diuruskan di bawah kuasa Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan. Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah berkuasa membuat sebarang keputusan atas dasar dan perjalanan Persatuan itu termasuk soal mengawal dan mengawas penguurusan. Penempatan kakitangan-kakitangan Lembaga Pertubuhan Peladang di Persatuan-persatuan Peladang adalah secara dipinjamkan dengan gajinya dibayar oleh Kerajaan guna membantu dan menolong Persatuan-persatuan itu dalam bidang penguurusan dan pentadbiran sehingga sampai masanya Persatuan-persatuan itu mampu melantik kakitangan-kakitangannya sendiri yang mahir dan cekap dan juga mampu membayar gaji mereka itu.

## URUSAN PERNIAGAAN BAGI PEGAWAI KERAJAAN

14. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang membenarkan pegawai dan kakitangan Kerajaan yang sedang bertugas menjalankan urusan perniagaan samada dalam ataupun di luar negeri; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan pegawai dan kakitangannya yang sedang bertugas menjalankan urusan perniagaan, samada di dalam ataupun di luar negeri. Perkhidmatan Kerajaan dan perniagaan mempunyai tujuan yang berlainan dan mungkin juga bertentangan dan kakitangan Kerajaan adalah dikehendaki menumpukan sepenuh tenaga dan perhatian kepada jawatan rasminya. Selain daripada itu, mereka mungkin cenderung untuk menggunakan kedudukan dan kuasa jawatan dan pengaruhnya bagi kepentingan perniagaan mereka itu sendiri, jika sekiranya mereka dibenar menjalankan urusan perniagaan. Dalam keadaan-keadaan ini, akibat buruk akan menimpa perkhidmatan Kerajaan dan pemerintahan negara seluruhnya.

## ASRAMA BAGI PEKERJA-PEKERJA WANITA

15. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah pihak Kementerian beliau bercadang akan membuat asrama-asrama bagi pekerja-pekerja wanita yang datang dari jauh atau luar-luar bandar di tiap-tiap buah negeri.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai atas pandangan berat Ahli Yang Berhormat itu terhadap pekerja-pekerja wanita yang datang jauh dari luar-luar bandar untuk bekerja di ladang-ladang perindustrian di bandar-bandar

Walau bagaimanapun, keperluan bagi pekerja wanita haruslah dipandang dalam kontek dasar perumahan Negara bagi semua lapisan rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah.

Sambutan terhadap keperluan perumahan bagi pekerja-pekerja wanita adalah baik. Setengah-setengah majikan, ada menyediakan perumahan bagi pekerja-pekerja mereka, sungguhpun undang-undang tidak menghendaki mereka berbuat demikian. Di setengah Negeri, Kerajaan Negeri atau melalui ajensi-ajensinya telah memperuntukkan rumah-rumah di ladang perusahaan khas untuk pekerja-pekerja wanita dari luarbandar. Kerajaan sentiasa memberi galakkan kepada majikan-majikan supaya memberi faedah perumahan kepada pekerjanya.

**Tuan Abu Bakar bin Arshad:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada ladang-ladang yang membina rumah ataupun bangsal yang mencampur-adukkan pekerja wanita dengan pekerja lelaki?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Di-campur-adukkan macamana?

**Tuan Abu Bakar bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya dalam satu bangsal, di sebelah sini pekerja wanita dan di sebelah sana lelaki.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Duduk sama-sama?

**Tuan Abu Bakar bin Arshad:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jika mereka tidak berkhalwat tidak apalah. (*Ketawa*).

## INDUSTRI DI SABAH

16. **Tuan Oo Gin Sun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan

Perindustrian, adakah Kerajaan pada masa hadapan ini hendak menempatkan lebih banyak industri di Negeri Sabah dan adakah beliau sedar bahawa Ketua-Ketua Kerajaan negeri di Malaysia terpaksa pergi mengambil initiative sendiri pergi menjelajah keluar negeri sebagai mengiktiarkan sendiri menjemput industrialists ke negeri masing-masing dan kiranya ini berlanjutan sudah tentu ada negeri-negeri dalam Malaysia yang kurang bernasib baik kurang mendapat perhatian dari industrialists kerana keadaan negeri-negeri itu. Tidakkah ada rancangan Kementerian untuk mendistribute industri dengan cara lebih adil.

**Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah nyatakan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha dalam penyelerakan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju di dalam negara ini. Ini termasuklah Negeri Sabah dan dalam hal ini saya ingin menambah bahawa Kerajaan telah mencapai kejayaan menempatkan projek-projek perindustrian di Negeri Sabah. Jumlah projek yang telah diluluskan bagi ditempatkan di Negeri Sabah bagi tempoh tahun 1971 hingga bulan Ogos, 1977 adalah 68 projek.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam usahanya menyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju termasuklah Negeri Sabah. Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah pengistiharan Sabah sebagai Kawasan Pembangunan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang mana projek-projek perindustrian jika ditempatkan di Negeri Sabah dan dilulus dengan Taraf Perintis ataupun Galakan Menggunakan Buruh boleh menikmati tambahan pengecualian cukai selama setahun lagi, manakala projek-projek perindustrian yang dilulus dengan Kredit Cukai Pelaburan boleh diberi tambahan 5% Kredit Cukai Pelaburan. Negeri Sabah juga telahpun diistiharkan sebagai salah sebuah Kawasan Galakan Tempat Kedudukan di mana projek-projek yang diluluskan dengan Galakan Tempatan

boleh menikmati tempoh pengecualian cukai maksima selama 10 tahun berbanding dengan 8 tahun di bawah Kelulusan Taraf Perintis.

Saya sedar bahawa beberapa negeri telah menghantar rombongan pelaburan keluar negeri untuk menarik pengusaha-pengusaha melabur di negeri-negeri mereka. Rombongan pelaburan yang sedemikian yang dianjurkan oleh negeri-negeri tersebut adalah diselarasakan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dengan kelulusan Jawatankuasa Pegawai-pegawai mengenai Perdagangan dan Pelaburan Asing.

Oleh kerana tidak semua Kerajaan-Kerajaan Negeri boleh menganjurkan rombongan-rombongan pelaburan dengan sendirinya, Kementerian saya dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan selalunya menjemput wakil-wakil dari negeri-negeri tersebut dalam rombongan-rombongan pelaburan yang kami anjurkan. Rombongan-rombongan ini telah memberikan peluang bagi wakil-wakil dari negeri-negeri tersebut untuk menerangkan mengenai peluang-peluang pelaburan dalam negeri-negeri mereka kepada bakal-bakal pelabur asing. Sistem penyelarasan rombongan-rombongan pelaburan ini akan menentukan penyelerakan seimbang industri-industri kesemua negeri-negeri di Negara Malaysia.

Selain daripada mengadakan galakan-galakan cukai, Kerajaan juga telah mengambil tindakan-tindakan yang lain untuk menggalakkan penyelerakan perindustrian dengan lebih meluas lagi di merata negeri. Di antaranya ialah:—

- (i) Mengadakan dan menambahkan kemudahan-kemudahan prasarana di kawasan-kawasan luarbandar bagi memenuhi keperluan projek-projek perindustrian yang ditubuhkan di kawasan-kawasan tersebut. Ini termasuk estet-estet perindustrian, bekalan air dan tenaga, kemudahan-kemudahan talikom, perkhidmatan pos, pengangkutan dan lain-lain.

- (ii) Penubuhan Pusat-pusat Galakan Wilayah Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan di negeri-negeri, Kedah, Perak, Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak, untuk memberi perkhidmatan kepada bakal-bakal pelabur tempatan dan untuk menggalakkan pelabur tempatan.
- (iii) Menganjurkan seminar-seminar pelaburan tempatan di beberapa negeri bagi menimbulkan minat bakal-bakal pelabur tempatan untuk melabur dalam perusahaan-perusahaan perkilangan.
- (iv) Menggalakkan pembangunan perusahaan-perusahaan asas-tani dan perusahaan-perusahaan yang berasaskan sumber-sumber alam yang mana akan menggalakkan penyelerakan projek-projek ke kawasan-kawasan yang kurang maju.

#### LEMBAGA PELABUHAN KELANG

17. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan:—

- (a) kerugian kewangan yang dialami oleh pihak Lembaga Pelabuhan Kelang akibat kesesakan kontena pada bulan Ogos dan September ini;
- (b) apakah tindakan yang beliau telah ambil selepas akhirnya "deadline" selama dua minggu yang diberikan beliau kepada pihak Lembaga Pelabuhan Kelang untuk mengatasi kesesakan kontena kerana kesesakan kontena-kontena itu masih belum lagi diatasi; dan
- (c) samada beliau sedar kegelisahan buruk akibat keadaan kerja yang buruk menjadi punca utama yang mengakibatkan prestasi pelabuhan yang buruk dan jika ya, nyatakan tindakan yang Kementerian beliau bercadang mengambil untuk mengadakan perhubungan perusahaan yang sihat di dalam Pelabuhan

tersebut yang melibatkan lebihkurang 8,000 orang pekerja.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak fikir terdapatnya kerugian yang besar dari segi kewangan akibat dari kesesakan kontena ini. Ianya serupa sahaja dengan mendapat hasil yang lewat dari masa yang sepatutnya.
- (b) Dalam masa dua minggu itu, pihak Lembaga Pelabuhan Kelang dan ajensi-ajensi yang berkenaan telah berusaha sedaya upaya untuk menghabiskan baki-baki kontena yang ada di Pelabuhan Kelang. Tetapi ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam tempoh itu juga, kontena-kontena baru telah tiba dengan banyaknya dan ini merupakan seolah-olah kesesakan kontena yang lama tidak diatasi. Bagaimanapun saya berpuashati di atas kerjasama semua pihak yang berusaha untuk mengatasi kesesakan itu walaupun terpaksa mengambil masa yang lebih.
- (c) Saya tidak bersetuju adanya keadaan buruk seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Masaalah perusahaan memang ada, tetapi perkara ini sentiasa diambil berat oleh pihak Pengurusan. Malah pihak Pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan yang ada sekarang supaya boleh meninggikan suasana perhubungan perusahaan di Pelabuhan Kelang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tidak ada berlaku kerugian kewangan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dalam masa tempoh bulan Ogos dan September di mana timbul kesesakan kontena di Pelabuhan Kelang, ada kapal-kapal yang berjadual berhenti di Pelabuhan Kelang tidak berbuat demikian oleh kerana kesesakan yang berlaku dan ini tentu

mengakibatkan kerugian kewangan dan bukan kelewatan kutip hasil sahaja dan tentulah pihak yang berkenaan mempunyai angka-angka mengenai jumlah kerugian yang berlaku dan bukan kerana kelewatan mendapat hasil.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, kapal-kapal memanglah ada pergi daripada Pelabuhan Kelang tetapi barang-barang ataupun kontena itu pulang balik juga dari feeder services dan ini kita dapat balik juga hasil. Jadi pada masa sekarang kita tidaklah boleh beritahu berapakah rugi ataupun untung tetapi saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat itu memang pada masa sekarang banyak kontena datang lebih daripada apa yang kita jangka, dan ini boleh memberi faedah kepada Pelabuhan Kelang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebelum itu Pelabuhan Kelang sudahpun mendapat nama yang tidak baik di kawasan ini sebagai satu pelabuhan hitam (black port) di Tenggara Asia dan dengan berlakunya lagi kesesakan kontena-kontena gambaran imej Pelabuhan Kelang lebih teruk dan nampaknya tidak ada tindakan yang tegas, tindakan yang dinamik diambil untuk revolutionise perkhidmatan-perkhidmatan di Pelabuhan Kelang oleh kerana tidak ada apa-apa langkah diambil untuk mencegah apa yang berlaku pada bulan Ogos dan September lalu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jadi soalan tambahannya apa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa tindakan yang sebenarnya diambil untuk mengadakan satu pelabuhan yang cekap?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada orang kata pelabuhan itu hitam ataupun putih tetapi angka-angka ada menunjukkan lebih kapal, lebih kontena, lebih barang datang ke pelabuhan itu. Jadi ini adalah menunjukkan kepercayaan

daripada orang-orang kapal datang ke pelabuhan sungguhpun ada orang kata tempat ini hitam ataupun putih. Jadi memang mana-mana pun ada masalah; dan saya bolehlah beri jaminan kepada Ahli Berhormat dan Dewan ini dengan seberapa boleh Kementerian saya dan Kerajaan boleh memperbaiki lagi keadaan di Pelabuhan Kelang.

#### LAPURAN JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN 1962

18. **Wan Zainab binti M.A. Bakar** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dicapai mengenai Inter-Governmental Committee 1962 yang telah melebihi 10 tahun (1963-1977) samada Kerajaan akan menyemak (review) dan meminda Artikel 152 Perlembagaan mengenai Bahasa Kebangsaan serta syarat-syarat berhubung dengan control of Immigration mengenai kemasukan orang-orang ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak memandangkan bahawa warganegara Malaysia (Semenanjung) sendiri dikenakan sekatan menggunakan paspot untuk masuk ke negeri-negeri tersebut sedangkan rakyat dari negeri-negeri itu bebas masuk ke Semenanjung Malaysia. Adalah difikirkan bahawa satu daripada cara menyemai dan memupuk perasaan bersatupadu melalui integrasi adalah perkara yang paling efektif, samada sekatan (restriction) yang dikenakan sekarang ini dapat disemak dan dikaji secara mendalam supaya perasaan perpaduan yang lebih erat dapat diwujudkan. Sekiranya ya, apakah perkembangan yang telah dicapai setakat ini. Sekiranya tidak, mengapa.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962 telahpun dikaji semula melalui rundingan-rundingan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Antara langkah-langkah yang penting yang telah diambil termasuklah usaha menyatukan per-

khidmatan-perkhidmatan awam dalam Jabatan-jabatan yang di persekutukan di Sabah dan Sarawak dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan. Sebahagian besar daripada usaha-usaha untuk mengadakan satu sekim perkhidmatan yang tunggal bagi Perkhidmatan Polis telah dijalankan. Cara-cara penyatuan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain masih sedang dikaji. Di samping itu, Kerajaan juga sedang membuat persediaan untuk melanjutkan undang-undang pengangkutan jalanraya ke Negeri Sabah dan Sarawak untuk mengadakan peraturan-peraturan pentadbiran dan perundangan yang sama. Tindakan telah juga diambil untuk menyelaraskan aktiviti pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak dengan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Urusan menyatukan perkhidmatan awam, jentera pentadbiran dan perundangan adalah suatu tanggungjawab berat dan akan mengambil masa untuk dicapai dengan sepenuhnya. Dengan itu urusan ini terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat.

Bagi melaksanakan dasar supaya Bahasa Malaysia dipakai di seluruh Malaysia dalam semua bidang, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan tidaklah perlu disemak dan dipinda. Hanya satu undang-undang perlu diluluskan oleh Parlimen bagi melanjutkan kuatkuasa Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 (Akta 32) ke Sabah dan Sarawak. Tindakan ini belum lagi tiba masanya diambil oleh kerana kuatkuasa peruntukan Perkara 161 Perlembagaan Persekutuan. Tindakan yang wajar akan diambil dalam melaksanakan dasar ini bila tiba masanya kelak.

Berhubung dengan Kawalan Imigresen bagi kemasukan warganegara ke Negeri Sabah dan Sarawak atau sebaliknya ke Semenanjung Malaysia, peraturan baharu telah dibuat di mana mereka adalah dikehendaki menggunakan Dokumen Perjalanan Terhad sebagai ganti paspot. Aturan ini telah berjalan semenjak 1hb Mei, 1977. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa warganegara Malaysia dari Sabah dan Sarawak tidak dikenakan sekatan

menggunakan paspot ataupun Dokumen Perjalanan Terhad apabila mereka masuk ke Semenanjung adalah tidak benar. Warganegara Malaysia di kedua-dua buah negeri itu yang ingin memasuki Semenanjung Malaysia adalah juga dikehendaki mempunyai paspot atau Dokumen Perjalanan Terhad sebagai ganti paspot.

**Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Bahasa Kebangsaan kita memang juga menjadi Bahasa Kebangsaan di Sarawak. Dan adakah Yang Berhormat Menteri menyedari beberapa tahun yang lalu Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil tindakan untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi seperti keadaan di Semenanjung pada mula-mula kita merdeka di sini?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari.

**Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Soalan tambahan. Mengenai masalah Imigresen, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan bagi rakyat Malaysia daripada Semenanjung untuk memasuki Sarawak dan Sabah adalah untuk kepentingan keselamatan dan menjaga supaya anasir-anasir jahat supaya golongan-golongan anti-nasional dapat disekat tidak dapat menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang tidak baik di negeri itu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, memang itu tujuannya supaya mengadakan paspot ataupun dokumen-dokumen menggantikan paspot.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa penggunaan kuasa imigresen ialah, kalau saya tidak silap, semasa Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia bertujuan untuk mengawal orang di Semenanjung Malaysia masuk ke Sabah dan Sarawak

untuk bekerja dan untuk mempertahankan rakyat di Sabah dan Sarawak daripada hilang peluang mendapat kerja-kerja maka kuasa-kuasa imigresen ini diadakan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kuasa imigresen ini telah disalahgunakan atas sebab-sebab atau alasan-alasan keselamatan atau anti-nasional dan alasan-alasan ini tidak boleh menjustifykan kegunaan kuasa-kuasa imigresen ini sebab alasan-alasan security ialah tanggungjawab kuasa-kuasa security dan bukan tanggungjawab pihak imigresen.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini sudah keluar daripada soalan asal. Ahli Yang Berhormat sahaja timbulkan perkara pekerjaan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menimbulkannya. Oleh itu, tidak payahlah dijawab.

### HOSPITAL DAERAH JASIN

19. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah Hospital Daerah yang sempurna di Jasin, Melaka dalam Rancangan Malaysia Ketiga, jika ada bila, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membina sebuah Hospital Daerah di Jasin kerana sebab-sebab berikut:—

- (1) Hospital Daerah Tangkak yang jauhnya dari Jasin hanya 8 batu sedang diperbesarkan dan diperbaiki. Sebuah poliklinik yang sedang dalam proses pembinaan hampir selesai dan satu wad kanak-kanak juga telah siap dibina. Penduduk-penduduk Jasin yang ingin mendapatkan rawatan bolehlah mendapatkannya dari Hospital Daerah Tangkak.
- (2) Sebuah Pusat Kesihatan Besar telahpun dibina di Jasin di mana rawatan

kecemasan boleh diberikan dan di mana kes-kes yang tidak begitu teruk boleh dirawat. Sebuah Ambulan juga telah ditempatkan dengan tujuan membawa pesakit-pesakit itu dengan segera ke Hospital Daerah Tangkak atau ke Hospital Besar Melaka yang jauhnya hanya 15 batu.

- (3) Hospital Daerah Alor Gajah iaitu 18 batu dari Jasin baru sahaja dibuka semula oleh Kementerian dan pada masa ini, hospital tersebut ada 25 buah katil. Kementerian ini bercadang untuk memperbaiki serta memperbesarkan Hospital tersebut. Cadangan-cadangan atas garisan seumpama ini akan dimasukkan dalam Mid-Term Review Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Puas hatikah Ahli Yang Berhormat dari Jasin?

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin:** Ya.

### AKITEK PERSENDIRIAN

20. **Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:—

- (i) bilangan projek-projek bangunan Kerajaan yang diberikan kepada akitek-akitek persendirian;
- (ii) nama firma-firma akitek yang biasa membuat kerja-kerja Kerajaan dan bayaran yang dibayarkan kepada mereka sekian lama;
- (iii) sebab-sebab mengapa bilangan akitek yang terhad sahaja diberikan peluang membuat kerja-kerja Kerajaan; dan
- (iv) apakah sistem dan merit yang diamalkan dalam pemilihan firma-firma akitek ini.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Dalam tempoh 5 tahun yang lalu sebanyak 16 projek bangunan Kerajaan

telah diberi kepada akitek-akitek persendirian.

(ii) Sebanyak 12 firma-firma akitek persendirian biasa membuat kerja-kerja Kerajaan dan nama-nama mereka adalah seperti berikut:—

1. Aga Akitek Berkanun
2. Akitek Berakan Sendirian
3. Kumpulan Akitek
4. Panduan Akitek
5. A. Karim Berakan
6. Kumpulan Senireka
7. Akitek Bersekutu Malaysia
8. Wells & Joyce
9. Bina Akitek
10. K.C. Lim Associates
11. Hoh, Tham & Partners
12. Jurubena Bertiga

Jumlah bayaran ialah sebanyak \$5,659,052.

(iii) Sebab-sebab mengapa bilangan akitek yang terhad sahaja diberi peluang membuat kerja-kerja Kerajaan ialah firma-firma akitek yang dipilih adalah berdasarkan kepada kemungkinan dan pengalaman mereka mengendalikan kerja-kerja tersebut.

(iv) Sistem dan merit yang diamalkan dalam pemilihan firma-firma akitek ialah di mana apabila sesuatu kerja hendak diberi kepada akitek persendirian, pihak Cawangan Bangunan, Ibu Pejabat JKR mengesyorkan firma-firma yang difikirkan layak untuk menjalankan projek-projek pembinaan. Dalam hal ini beberapa faktor berkenaan dengan firma-firma itu diambil kira dan faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:—

- (a) pengalaman dalam projek yang akan dilaksanakan;
- (b) tenaga kakitangan untuk mengendalikan kerja-kerja;
- (c) latarbelakang ataupun rekod kejayaannya dalam projek-projek yang telah dilaksanakan;
- (d) pengetahuan teknik; dan

(e) bilangan projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Nama-nama firma yang disyorkan itu dikemukakan kepada satu jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian, Ketua Pengarah Kerjaraya, Pengarah Pembangunan, Ibu Pejabat JKR dan pihak yang mengemukakan kerja yang berkenaan. Jawatankuasa ini kemudiannya mengemukakan pula syor-syor mereka kepada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Khas ini menimbang, melulus dan melantik firma akitek yang berjaya untuk menjalankan projek itu. Jawatankuasa Khas ini mengandungi wakil-wakil daripada Bahagian Perancang Ekonomi dan Bahagian Penyelidikan Sosio Ekonomi dan Perancang Am, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Perbendaharaan Malaysia, Ketua Pengarah Kerjaraya dan Kementerian/Jabatan yang berkenaan yang inginkan projeknya ditimbang oleh jawatankuasa tersebut.

### HEROIN SEBAGAI DADAH BERBAHAYA

**21. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa dengan memusnahkan heroin-heroin yang telah dirampas adalah membazirkan dan dengan sendirinya menaikkan harga pasaran gelap barang tersebut.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, dadah jenis heroin tidak ada gunanya dari segi perubatan dan tidak ada nilai ekonomi yang sah di sisi undang-undang. Heroin juga merupakan dadah yang paling merbahaya. Oleh itu, Kerajaan merampas dan memusnahkannya demi kepentingan rakyat dan negara selaras dengan kehendak Ordinan Dadah Berbahaya.

## TOPI ANGGOTA POLIS

22. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah Kerajaan bercadang hendak menukar topi yang digunakan oleh Polis Di-Raja Malaysia kita mengikut keadaan negeri kita dan tidakkah terdapat bahawa topi yang digunakan sekarang ini berbau penjajah dan adakah sesuai dengan kedudukan negara kita dan adakah negara-negara lain yang menggunakan topi Polisnya serupa dengan negara kita, kiranya ada, negara apa.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak bercadang hendak menukar topi yang digunakan oleh anggota-anggota Polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat topi yang digunakan sekarang adalah serupa dengan rakan-rakan mereka di semua negara-negara ASEAN.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

#### Bacaan Kall Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (9hb November, 1977).

DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa Sebuah-buah Majlis."

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,643,560,095 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1978 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1977, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (9hb November, 1977)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam jadual waktu bagi Mesyuarat Belanjawan yang telah diedarkan iaitu hari ini merupakan hari akhir bagi Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap kerana dua hari diuntukkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab pula. Tetapi oleh sebab pada 8hb iaitu pada hari Selasa yang lepas diadakan sidang Dewan khas, bolehlah digantikan satu hari lagi iaitu ditambah bagi menggantikannya hari ini dan esok.

Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab mulai daripada hari Rabu 16hb. Kalau mengikut jadual ini 16hb itu ialah hari akhir iaitu 11 hari diuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat selama-lamanya (maksima) 11 hari bagi membahaskan mengikut dasar am dan pentadbiran, selepas itu diikuti dengan Jawatankuasa yang bersidang tidak lebih daripada 16 hari. Tetapi oleh sebab satu hari itu ialah diuntukkan bagi Dewan ini membahaskan satu Usul atau Bill khas yang sudah jadi Akta sekarang, maka tidaklah patut diambil satu hari daripada yang telah diuntukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana saya nampak ramai lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap, dengan sebab ramai yang hendak bercakap itu, saya berharap cuba

ringkaskan sedikit, jangan banyak bunga-bunga sastera supaya tidak membuang waktu. Tetapi kalau esok umpamanya sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap atau sebelum pukul 6.30 petang sudah tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya akan meminta dan menjemput Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab.

Sekarang dibuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Payang.

3.26 ptg.

**Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia, Menteri yang muda remaja dan paling eligible dalam Malaysia....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu sastera. (*Ketawa*)

**Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub; .....** kerana Belanjawan negara yang telah dibentangkannya di Dewan yang mulia ini pada 28hb Oktober yang lalu, suatu Belanjawan yang enak, adil dan berorientasikan perkembangan pembangunan. Dalam pada itu saya ingin pula membuat penekanan bahawa dasar ekonomi dan kewangan yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun hadapan dan tahun-tahun yang akan datang hanya akan memberi kesan sepenuhnya jika yang disusun, dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, jika dalam ucapan saya ini, saya menumpukan perhatian saya pada negeri Sarawak dengan memberikan contoh-contoh yang tegas tentang bagaimana gerak-gelora perpaduan, hakikat dan keupayaan boleh terus diperkukuh, maka itu adalah kerana saya benar-benar mengetahui dan mengenali Sarawak dari dekat. Namun saya percaya segala sesuatu yang saya katakan akan bergema di lain-lain negeri di Persekutuan. Gerak-gelora perpaduan sepanjang yang

mengenai Sarawak seharusnya diperhitungkan dan diberikan pula pengakuan pada keperluan-keperluan istimewanya, memandangkan bahawa ia baru sahaja dilancarkan pembangunannya jika dibandingkan dengan beberapa buah negeri lain di Semenanjung Malaysia ini. Untuk membuktikan kebenaran kenyataan saya ini, inginlah saya Tuan Yang di-Pertua, menggambarkan beberapa perkara tertentu yang saya harap pihak berkuasa di peringkat Pusat yang berkaitan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan sebuah negeri anggota dalam Persekutuan bagi negeri seperti Malaysia ini bolehlah kita ibaratkan seperti suatu perikatan perkahwinan yang mempunyai tiga peringkatnya.

Peringkat pertama yang pada setengah orang merupakan peringkat yang paling manis ialah peringkat memujuk hati atau dalam perkataan kasarnya masa mengurut. Memang benar di waktu inilah bila kita didekati untuk memasuki Persekutuan Malaysia kita sering dikunjungi oleh pelawat-pelawat ternama, mereka datang ke Sarawak dari Semenanjung Malaysia silih berganti. Para Menteri utamanya menunjukkan minat besarnya pada negeri kami dan rakyat kami sentiasa sedia untuk melawat rumah panjang dan tidur di rumah panjang. Kami mengalu-alukan mereka atas minat besar mereka ini pada mengetahui segala sesuatu berkenaan kami dan juga untuk menyakinkan kami tentang feadahnya yang abadi jika kami berkahwin dengan Persekutuan Malaysia.

Setelah perkahwinan dilangsungkan iaitu setelah Persekutuan Malaysia lahir yang termasuk dalamnya Sabah dan Sarawak dan sementara inai di jari masih baru dan kedua teruna dan dara yang baru diijabkabulkan masih mekar dan segar, cumbuan kasih pada kita terus didayukan, tetapi serentak dengan oudarnya semerbak harumnya, kebanyakan ingatan perkahwinan oleh berlalunya masa 10 tahun yang pertama, maka ramailah orang-orang dalam negeri kami yang merasa

keghairahan pertama yang indah tadi telah berlaku dan kepada Semenanjung Malaysia, Sarawak mungkin kini cuma merupakan sebuah kutil yang kurang menyenangkan kulit kerana besarnya.

Ada banyak sebab yang menimbulkan reaksi yang demikian. Salah satu daripadanya mungkin kerana parti-parti utama di negeri kita ini, khususnya di Semenanjung Malaysia seperti UMNO, MCA dan MIC tidak diwakili di Sarawak dan kerana kawasan-kawasan mengundi mereka tidak terletak di Sarawak, maka pemimpin-pemimpin politik di Semenanjung Malaysia merasakan tidak ada perlunya mencumbui Sarawak lagi, lebih-lebih setelah perkahwinan telah dikarati oleh masa yang terlalu lama. Kepada ramai tokoh politik menurut hemat saya, harapan mendapatkan undi sama seperti penyuntikan Vitamin B 12 yang memberikan mereka tenaga dan oleh kerana kami di Sarawak tidak memiliki jenis Vitamin B 12 itu, maka kunjungan mereka ke Sarawak mulai merosot dan mereka telah menjelma seperti orang asing kepada rakyat jelata kami, sama halnya dengan Menteri-menteri dari negara ASEAN. Ini amatlah dikesalkan kerana rakyat Malaysia di Sarawak mungkin mulai merasakan terpisah dari Kerajaan Pusat dan mulai pula mempercayai bahawa perkahwinan dahulu itu di atas segala-segalanya hanya mungkin perkahwinan melepaskan ketagih sahaja dan bukannya didorongkan oleh cinta sejati. Kunjungan-kunjungan sejenak para Menteri ke Sarawak samada 24 jam ataupun sehari dua sahaja tidak juga akan menolong membuka ikatan mesra di antara Negeri dan Pusat, sebaliknya mungkin kunjungan-kunjungan tersebut sedikit membahayakan pula, dalam ertikata bahawa kedua belah pihak mungkin membuat kesimpulan yang salah tentang satu sama lain hasil dari kesengsaduran yang merupakan satu-satunya kesan yang boleh ditimbulkan oleh kunjungan-kunjungan sejenak. Rakyat kami telah mulai melihat Kerajaan Negeri sebagai Kerajaan Sarawak sebenar dan Kerajaan Persekutuan sebagai Kerajaan yang

minatnya kepada kebajikan mereka hanya bermusim sekali-sekala sahaja.

Pencemaran imej Kerajaan Persekutuan demikian mustahak sekali diperbetulkan dengan segera, dengan serta-merta. Setiap perkahwinan jika ia akan menjadi suatu simpulan kasih yang abadi dan berjaya haruslah dipupuk dan disemarakkan setiap hari dan begitu jugalah dengan perpaduan politik dan hakikat yang menyuburkan perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri anggotanya. Yang demikian sebagai penutup saya suka merayu setegas-tegasnya kepada semua Menteri Persekutuan supaya berbangga dengan susunan Persekutuan yang kita amalkan dan memastikan bahawa kekuatannya akan terus berkembang dengan penuh kejayaan dan kerukunan tahun demi tahun. Saya boleh mengatakan dengan keyakinan yang penuh bahawa kami di Sarawak sedia mengalu-alukan dengan tangan terbuka dan membalas bunga dengan bunga kepada apa juga pernyataan perhatian baik dan kasih sayang dari mereka yang mewakili Semenanjung. Demi memungkinkan kepelbagaian bagi memenuhi matlamat perpaduan Malaysia yang mengatasi segala, demi menghadapi kepelbagaian kedudukan yang tidak sekata dalam negeri-negeri secara jitu atau realistik, demi meningkatkan dan menambah keupayaan pentadbiran kita dan demi menyemarakkan selama-lamanya perkahwinan di antara Pusat Persekutuan dengan negeri-negeri anggotanya. Inilah Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang terdapat dalam gerak-gelornya negara Malaysia kita ini. Masalah-masalah yang demikian tidak akan dapat kita selesaikan dengan cara yang passive, yang beku atau melalui salur penyampaian yang sehalu. Dengan lain perkataan, jika masalah-masalah asasi ini hendak diselesaikan demi kepentingan setiap negeri untuk faedah seluruh bangsa Malaysia, gerak timbal-balik yang saksama dan penuh bererti yang bebas dan menyeluruh harus ada, bukan sahaja di antara Pusat dan Negeri-negeri tetapi di antara Negeri-negeri juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berdukacita menerangkan iaitu sehingga sekurang-kurangnya 48 jam yang lewat, sekumpulan 7 orang berandal dan bajingan telah membuat percubaan hendak menemui Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita atau pegawai-pegawainya dengan maksud untuk menjual kepadanya sepucuk surat atau black information yang kononnya ditulis kepada saya oleh seorang yang bernama Abang Kipli Osman yang mendakwa dirinya sebagai General dan Pemimpin Rakyat Kalimantan yang sekarang dikatakan tinggal di Jakarta, tetapi kita sekalian ketahui yang mengatakan dirinya General itu tidak mempunyai seorang tentera pun. Surat ini kononnya lagi ialah sebagai jawapan kepada apa yang dikatakan, "Pesanan Peribadi" Saya dalam tahun 1976 kepada Kipli memintanya, "mempersiapkan kekuatan untuk menghadapi reaction Kuala Lumpur di saat saya akan mengistiharkan maklumat pengunduran Sarawak dari Persekutuan Malaysia". Selama minggu yang lalu pemimpin persekumpulan ini namanya Senawi Sulaiman telah mencuba hendak menemui Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menjual kepadanya maklumat hitam ini dan sebagai balasan dia berharap Yang Berhormat itu akan memberinya wang dan surat sokongan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian bagi mendapatkan permit untuk mengimpor kereta-kereta reconditioned atau kereta-kereta lama yang dibaharui ke Sarawak. Senawi juga cuba mendapatkan sokongan rakan saya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk maksud yang sama. Gerombolan ini sekarang berada di Hotel Sentosa, Kuala Lumpur. Senawi khabarnya mendapat sekurang-kurangnya dua buah syarikat 'Ali Baba' di Sarawak, sebuah bernama "Usaha Abadi" yang dipunyai oleh seorang bekas tentera bernama Baharom dan sebuah lagi bernama "Bumi Jaya" yang dipunyai oleh seorang yang bernama Bakawi. Senawi Sulaiman juga berusaha supaya kumpulannya itu dapat menemui Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk merundingkan ke-

ungkinan mereka diterima menjadi anggota-anggota DAP dan kemudian membentuk sebuah cawangan DAP di Sarawak sebagai balasan jika DAP sanggup memberi wang kepada mereka.

Berhubung dengan black information atau surat hitam yang saya sebutkan tadi yang dikatakan kononnya ditulis oleh Abang Kipli kepada saya, maka pada saya sekarang ada salinan photostatnya dan surat ini sekarang sedang digunakan bukan sahaja untuk menjerat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bahkan juga untuk diberikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya dia boleh mencabar ketaat-setiaan saya kepada Malaysia dengan mengemukakan soalan-soalan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengutuk dan menafikan dengan sekeras-kerasnya dan mendedahkan perkumpulan yang jahat dan mengkhianati terhadap Sarawak dan diri saya ini dan saya tidak pernah seumur hidup saya berhubung surat dengan Kipli. Saya tidak pernah menghantar sebarang orang sebagai wakil saya untuk menemui dengan sebarang cadangan dan saya tidak pernah menerima surat ini yang sekarang digunakan oleh Senawi Sulaiman dan kawan-kawan sekumpulannya yang kotor. Jika surat ini benar-benar datang dari Kipli maka ini menunjukkan bahawa Kipli sekarang ini bekerja dengan berandal-berandal dan banjangan-banjangan ini untuk mendapat seorang yang berkedudukan tinggi bagi menyebabkan perpecahan di antara saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan di antara Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, amat mustahil kumpulan yang bersekumpul mencemarkan Sarawak dan saya boleh berjaya membuat onah di antara Sarawak dengan Persekutuan dan juga mendapatkan untuk kepentingan mereka wang ringgit yang banyak dan peluang membuka perniagaan besar. Saya percaya Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak akan mudah masuk ke dalam perangkap mereka yang berniat jahat ini atau memberi bantuan kepada mereka dalam apa cara jua pun. Tidak terupah kepada akal siapa sahaja kecuali orang-orang yang jahat yang terlibat dalam perkumpulan ini bahawa sebarang orang yang siuman fikiran yang akan mendengar kata-kata mereka apatah lagi mempercayai. Sebenarnya saya mempunyai alasan yang kuat untuk mengatakan dan mempercayai bahawa kebanyakan mereka yang terlibat dalam perkumpulan ini sekarang sedang terlantar di Kuala Lumpur. Mereka telah tidak mendapat walau satu sen pun dari sumber-sumber yang mereka cuba hubungi dan sekarang tanpa sebarang sumber kewangan lagi mereka mula kelemasan mencari jalan untuk mendapat penyokong atau penaong, entah siapa gerangannya.

Sebagai tambahan kepada penafian dan penolakan terhadap semua tuduhan jahat dan perkumpulan yang terkutuk ini, saya menyerah sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri memberikan keputusan pertimbangan wajarnya dan tanda kejujuran dan kesetiaan rakyat Sarawak kepada Malaysia, sebab dialah hakim yang sebaik-baiknya dalam perkara ini. Sepanjang berhubung dengan diri saya walaupun saya tidak boleh mendakwa diri saya sebagai seorang pemegang peranan utama dalam usaha melahirkan Malaysia, tetapi saya tentu sahaja boleh mendakwa diri saya sebagai salah seorang manusia yang paling aktif dan berdedikasi membantu para pemegang peranan penting yang melahirkan Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak ramai yang mengetahui bahawa kami di Sarawak telah memasukkan dalam lagu kebesaran negeri kami senikata yang saya sendiri mengarangnya yang mendoakan Sarawak supaya tinggal kekal hingga abadi dalam pangkuan Persekutuan Malaysia. Yang demikian saya amatlah sedih perasaan oleh adanya tuduhan

dan tohmah jahat ini yang dihadapkan kepada peribadi saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang beralih kepada beberapa masalah yang lain. Pertama sekali ingin saya menyentuh mengenai masalah pembekalan balak daripada Sarawak. Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia baru-baru ini telah menyampaikan sebuah kertaskerja kepada Sidang Kelima Pengeluaran-pengeluaran Kayu Lapis Asia di Kuala Lumpur. Di dalamnya antara lain-lain yang disebutkan tentang kekurangan di Semenanjung Malaysia bagi kegunaan beberapa kilang kayu lapis yang terdapat di sini. Kertaskerja tersebut terus memberikan ulasannya tentang kedudukan sumber kayu-kayan di Sabah dan di Sarawak sambil menyatakan perlunya mendapatkan balak murah dari negeri-negeri tersebut. Kertaskerja itu juga berkata sudah agak lama negeri-negeri di Malaysia Timur menganggap perusahaan kayu-kayan mereka untuk mereka sendiri sahaja. Ulasan-ulasan ini, Tuan Yang di-Pertua, sangat menyakit hati, gambaran yang diberikannya menunjukkan kejahilan pakar-pakar perकayuan di Semenanjung Malaysia dan mereka tak mengerti langsung akan kedudukan yang sebenarnya perusahaan perकayuan di Sarawak dan Sabah.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjelaskan kedudukan ini berikutan dengan siapnya daftar sumber perकayuan yang utama di Sarawak yang dibuat oleh UNDP/FAO dan Jabatan Kehutanan dalam tahun 1972 maka Kerajaan Negeri lantas melancarkan pengeluaran jangka panjangnya dan seterusnya memproses projek-projek perusahaan perकayuan. Bahkan ia telah pun mula menjalankan daya usaha mendirikan projek-projek yang demikian. Adalah diharapkan bahawa projek-projek tersebut akan dapat mengadakan pekerjaan tetap bagi 12,000 dalam perusahaan mengeluarkan kayu-balak dan 35,000 orang lagi dalam pengeluaran hasil perकayuan. Berdasarkan atas harga pasaran semasa nilai eksport adalah dalam lingkungan \$900 juta setahun dari hasil barang-barang kayu yang dikeluarkan di dalam negeri

dan \$227 juta setahun dari eksport kayu balak yang dihadkan. Faedah sosial dari melahirkan masyarakat yang menghasilkan yang demikian besarnya ditambah pula dengan faedah yang akan diterima dari mengadakan perkhidmatan kepada perusahaan dan masyarakat yang berkenaan hampir-hampir sukar membuat penilaiannya, tetapi yang pasti ialah sungguh sangat besar sekali. Memandangkan bagaimana besarnya kepentingan sosial ekonomi yang diletakkan oleh Sarawak kepada sumber perkuatannya dan juga kepada perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan kayu adalah sia-sia bagi sesiapa juga menganggap Sarawak sebagai negeri peng-eksport balak ke Semenanjung Malaysia.

Tidak tepat juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada siapa yang memandang Sarawak sebagai sumber balak murah untuk Semenanjung Malaysia ini. Pernahkah sebarang perusahaan di Sarawak mahupun di Sabah mendapatkan bekalan bahan mentah yang murah dari Semenanjung Malaysia ataupun dari sebarang sumber yang lain? Ini adalah perkara perdagangan dan dengan demikian haruslah dipandang dari segi atau sudut perdagangan semata-mata. Yang demikian, adakah wajar mengharapkan Sarawak dan Sabah memberi bantuan subsidi kepada perusahaan kayu lapis di Semenanjung. Biarlah saya tanya juga, apakah bantuan yang telah dan pernah dihulurkan oleh Lembaga Perusahaan Perkuatuan Malaysia kepada Sarawak? Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana menyedari dan mengakui adanya masalah kekurangan bahan mentah untuk perusahaan kayu lapis di Semenanjung maka Sarawak bersedia dan bersetuju membantu perusahaan tersebut dengan menolongnya mendirikan kemudahan-kemudahan memprosesnya di Sarawak. Syarikat kayu lapis di Semenanjung pasti terjamin mendapat sumber balaknya dengan harga yang berpatutan dan mereka juga boleh mendapat faedah dari sumber bahan mentah yang berhampiran.

Sebenarnya Sarawak pernah merundingkan perkara ini dengan sebuah kilang kayu lapis di

Semenanjung iaitu supaya mendirikan sebuah perusahaan kayu lapis di Sarawak. Alangkah kecewanya kami kerana syarikat kilang ini tidak bersedia menimbangkan projek tersebut kecuali ia diberikan kawasan hutan dengan penguasaan faedahnya. Sedang sebuah syarikat asing bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan sekarang sudahpun menjalankan usahanya di Sarawak dengan hanya mengambil faedah 40% dalam satu usahasama. Mujurnya, Tuan Yang di-Pertua, dasar kehutanan dan rancangan-rancangan perusahaan kami didasarkan atas matlamat jangka panjang dan penghasilan yang berwibawa. Kami tidak meluluskan perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan perkuatuan kecuali setelah kami yakin yang kami boleh menyediakan bahan mentah secukupnya untuk usaha-usaha yang demikian bagi suatu masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, kayu-kayan akan kekal merupakan teras ekonomi Sarawak untuk beberapa lama sungguhpun pengeluaran dan hasil yang diterima dari minyak semakin bertambah. Ini adalah kerana faedah ekonomi yang menyeluruh yang diterima oleh Sarawak darinya. Dalam bentuk banyaknya peluang pekerjaan dan terbuka peluang bumiputra melibatkan diri dalam perusahaan ini. Saya bersetuju sepenuhnya dasar Kerajaan yang akhirnya mahu mengurangkan eksport kayu balak untuk menggalakkan kerja-kerja memprosesnya menjadi kayu lapis dan lain-lain penghasilan dari kayu. Ini akan menambah nilai ekonomi selain dari membukakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Saya sedar dan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana mengadakan berbagai galakan kewangan yang ditawarkan kepada sektor swasta bagi mendirikan perusahaan-perusahaan yang bersumberkan kayu di Malaysia ini. Galakan atau dorongan ini adalah lebih besar ertinya kepada mereka yang ingin menubuhkan perusahaan demikian di Sarawak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jika pelaksanaan galakan tersebut tidak saksama dan tak berpatutan, maka ia bukan sahaja

akan menimbulkan masalah-masalah yang tak perlu, bahkan juga mengurangkan ke paras minima akan kesan galakan tersebut. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu kejadian yang berkaitan dengan pemberian taraf perintis kepada sebuah syarikat kayu lapis di Sarawak yang bernama Forescoms Plywood, joint-venture di antara Yayasan Sarawak dengan golongan bumiputra dan bukan bumiputra. Syarikat ini telah diberikan taraf perintis bagi membolehkannya menubuhkan perusahaan kayu lapis. Taraf perintis itu sepatutnya memberikan, antara lain-lain, pelepasan cukai impot atas jentera-jentera pembuatan kayu lapis sebagai galakan kepadanya menubuhkan perusahaan tersebut. Telah sampai ke pengetahuan saya bahawa Jabatan Kewangan Persekutuan cuma memberikan sebahagian pelepasan cukai sahaja kepada projek ini sepanjang yang berhubung dengan alat-alat jentera yang diimpot dan bahawa permohonannya untuk mendapatkan pelepasan cukai yang penuh telah ditolak dengan tidak memberikan sebarang alasan. Pihak Jabatan Kewangan Persekutuan telah diberitahu bahawa alat-alat yang ditolak pelepasan cukainya itu tidak terdapat dalam negara Malaysia ini dan alat-alat tersebut merupakan bahan-bahan pencukup kepada keseluruhan kilang. Alangkah tidak lojiknya, Tuan Yang di-Pertua, pelepasan penuh cukai tidak langsung dipertimbangkan, sedang dalam perkara sebuah projek seumpamanya di Semenanjung Malaysia ini iaitu Jengka Plywood Project namanya, pelepasan penuh cukai impot telah diberikan kepadanya.

Pada pandangan kasarnya ternampak seolah-olah ada pilih kasih di antara sebuah projek yang ditempatkan di sebuah negeri di Semenanjung dengan sebuah projek yang ditempatkan di Sarawak. Oleh yang demikian, saya mendesak Jabatan Kewangan Pusat supaya meninjau kembali perkara ini bagi melenyapkan sangkaan adanya terdapat pilih kasih ini dan projek-projek di Sarawak yang menjadi mangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana di Semenanjung Malaysia, nelayan bumiputra di

Sarawak merupakan satu dari kaum yang paling tertindas di negara ini berjumlah kira-kira 6,454 orang. Oleh yang demikian, di sini terletak suatu lagi peluang bagi Kerajaan mengambil langkah tegas dan besar untuk membantu kaum nelayan kita membaiki kehidupan dan meninggikan taraf hidup mereka. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, ternampak ada perbezaan tentang peruntukan yang besar dalam bantuan kewangan yang diberikan kepada para nelayan kita di bawah Rancangan Malaysia Ketiga berbanding dengan bantuan subsidi bertujuan sama di negeri-negeri lain di Malaysia. Kedah dengan 8,000 orang nelayannya menerima \$20 juta sebagai subsidi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sementara Kelantan dengan 5,000 orang nelayannya menerima \$22 juta. Sarawak yang mempunyai sejumlah 6,454 orang nelayan bumiputranya seperti yang telah saya sebutkan tadi menerima hanya \$1 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Laut Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, memberikan kemungkinan hasil tangkapan yang tinggi sebagaimana yang ditunjukkan oleh pengukuran sumber yang meletakkan purata tangkapannya sebagai sama dengan purata di pantai timur Semenanjung Malaysia dan yang menghidupkan tidak kurang dari 4,842 kapal besar. Jumlah kapal besar sekarang hanya 569 buah sahaja dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga jumlah ini dijangka bertambah menjadi sekadar 648 buah sahaja dalam tahun 1978 bila Rancangan Malaysia itu separuh berjalan. Kerajaan Negeri sedang mengemukakan suatu cadangan kepada pihak berkuasa Persekutuan bagi mendapatkan peruntukan tambahan sebanyak \$10 juta untuk bantuan subsidi kepada nelayan-nelayan di Sarawak supaya meletakkannya sama sejajar dengan bantuan subsidi kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang serupa seperti Kelantan dan Kedah. Dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini akan mendapat pertimbangan yang memuaskan dari pihak berkuasa Persekutuan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menerangkan dalam Belanjawannya tentang penyusunan semula cukai eksport minyak sawit demi untuk membantu perusahaan tersebut terutama di waktu keadaan meleset. Ini akan memberi faedah kepada perusaha tersebut di Semenanjung Malaysia, tetapi apa yang saya rayukan di sini bahawa Sarawak sepatutnya menerima layanan yang lebih baik daripada itu. Sebagaimana kita sama telah ketahui, Tuan Yang di-Pertua, Sarawak telah agak tercicir dalam usaha penanaman kelapa sawit, bukan kerana kehendak kami, melainkan kerana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak dapat membantu kami dalam hubungan ini disebabkan oleh berbagai ikatan tugasnya di Semenanjung Malaysia ini. Hakikat ini memang kita sedari dan itulah sebabnya kami menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri kami sendiri atau SLDB untuk menanam di antara lain kelapa sawit.

Sekarang perusahaan sawit di Semenanjung Malaysia bahkan di Sabah sudah kukuh benar yang menikmati bantuan besar pihak Kerajaan dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan telah juga menikmati pengecualian cukai eksport selama beberapa tahun. Sebaliknya, perusahaan sawit di Sarawak masih dalam peringkat bayi lagi dan amatlah dikesalkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah tidak memperhitungkan hakikat yang demikian penting ini. Akibatnya, eksport minyak sawit dari Sarawak telah dikenakan cukai yang sama parasnya dengan cukai eksport di Sabah dan Semenanjung Malaysia yang sebagaimana saya telah sebutkan tadi kerana pendiriannya yang sudah kukuh tentu sanggup menanggung cukai tambahan itu. Tidak demikian halnya dengan perusahaan kelapa sawit di Sarawak yang masih kerdil dan kami telah merayu kepada Kerajaan Persekutuan selama beberapa tahun yang lepas supaya menerima kedudukan di Sarawak ini dengan demikian memberi pengecualian cukai eksport kepada kami tetapi malangnya tidak berhasil sama seperti menjirus air di atas daun keladi. Bagaimana kita akan menggalakkan atau paling

kurang mengharapkan sektor swasta menanam kelapa sawit di negeri Sarawak atas dasar susunan cukai yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak selain dari pinjaman Kerajaan Persekutuan yang diperuntukkan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dengan syarat dan peraturan pembayaran semula yang kira-kira sama dengan syarat dan peraturan pembayaran semula yang dikenakan oleh pinjaman perdagangan, maka perbelanjaan pembangunan ditanggung seluruhnya oleh Kerajaan Negeri yang tidak pula mendapat apa-apa faedah daripada perusahaan tersebut. Benar, penduduk-penduduk rancangan tersebut akhirnya akan menerima faedah dari pembangunan serupa ini, tetapi malangnya adalah sesuatu yang mustahil bagi Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak akan tegap kedudukannya dengan adanya susunan cukai yang sekarang ini. Kami telah meminta, Tuan Yang di-Pertua, supaya Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dilayani sebagai FELDA yang menerima bantuan perbelanjaan pengurusan dari Kerajaan Persekutuan, tetapi sungguhpun Kerajaan Persekutuan telah menjanjikan pertimbangannya kepada permohonan kami tersebut tetapi tindakan selanjutnya telah tidak kita nampakkan sehingga sekarang. Sementara itu kedudukan terus menjadi buruk. Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak tidak akan berupaya membayar balik pinjamannya kepada Kerajaan Persekutuan kecuali ke-longgaran yang sebesar-besarnya dalam bentuk pengecualian cukai eksport minyak sawit diberikan kepada Sarawak dalam tempoh tahun-tahun permulaannya dan ini bererti Kerajaan Negeri akan terus mencurahkan berjuta-juta ringgit dari tabung kewangannya untuk mengekalkan rancangan-rancangan tersebut. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan nampaknya tidak bersedia untuk menimbangkan perkara mengatasi kesulitan ini sebagaimana yang diminta oleh Kerajaan Negeri maka mungkin ada baiknya jika semua rancangan kemajuan tanah di Negeri Sarawak samada yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak ataupun oleh Lembaga

Pemulihan dan Konsolidasi Tanah Sarawak diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil Sarawak yang ketiga besarnya sesudah minyak dan kayu ialah lada. Oleh kerana perusahaan ini sebahagian besarnya terpusat kepada pemilik-pemilik kecil maka sekarang pertimbangan yang diberi untuk menyusun semula cukai eksport lada yang secara kebetulannya masuk ke tabung wang Kerajaan Persekutuan haruslah memberi menafaat kepada pemilik-pemilik kecil itu sendiri. Oleh yang demikian yang mengalu-alukan pertanda yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan tentang kesediaannya meninjau semula cukai eksport lada. Saya telah merayu peninjauan semula lama dahulu tetapi malangnya telah tidak dianggap oleh Kerajaan Persekutuan sebagai satu perkara yang perlu disegerakan.

Saya diberitahu bahawa perubahan sikap Kerajaan Persekutuan dalam hal ini berpunca dari bantahan yang dibuat oleh penanam-penanam lada di Johor terhadap cukai eksport lada sekarang ini. Kalau tidaklah kerana bantahan yang dibuat oleh penanam-penanam lada di Johor itu, Kerajaan Persekutuan mungkin tidak akan menimbangkan sebarang perubahan dalam cukai tersebut. Ini adalah sesuatu yang saya kesalkan, Tuan Yang di-Pertua, dan selari dengan itu ia menegaskan pula Kerajaan Persekutuan kepada teguran-teguran dan menuduhnya mengangap kepentingan penanam-penanam lada di Sarawak sebagai sesuatu yang kedua utamanya. Dalam setiap susunan Persekutuan tidak dapat dielakkan adanya kesulitan dan ketegangan di antara pihak Pusat dengan unit-unit yang menganggotainya dan sesungguhnya amatlah malang rasanya jika kita menambah batu kepada beban yang digalas dan bukannya cuba mengurangkan beban yang ada.

Saya gembira kerana Kerajaan Persekutuan telah memasukkan dalam Belanjawan tahun 1978 peruntukan yang cukup bagi Badan-badan Berkanun Kerajaan, SEDC-SEDC

untuk mempercepatkan langkah-langkah industrialisasi di dalam negeri ini. Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana pinjaman-pinjaman telah diberikan kepada SEDC Sarawak untuk melaksanakan beberapa projek perusahaannya dalam negeri. Kami dengan sepenuh hati menyokong dasar Kerajaan meluaskan perusahaan-perusahaan ke negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang kurang maju dan dasar ini saya percaya akan memberi faedah yang besar kepada semua yang bersangkutan. Bagaimanapun saya telah perhatikan bahawa sampai pada soal melindungi perusahaan-perusahaan dalam sebuah negeri, Kerajaan Persekutuan ternyata separuh hati. Saya suka menerangkan kepada Dewan yang mulia ini perkara projek simen di Sarawak. Cement Manufacturers Sdn. Bhd., (CMS) yang merupakan usahasama di antara Sabah dan Sarawak telah ditubuhkan untuk memenuhi terutama sekali keperluan kedua-dua buah negeri tersebut dan kami telah mendapat pinjaman dari Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan projek ini. Ia bukan sahaja suatu projek yang berkemungkinan menguntungkan tetapi ia juga boleh membawa faedah jangka panjang kepada Sabah dan Sarawak dalam bentuk mengadakan bekalan simen yang ketat kepada berbagai projek pembangunan di kedua-dua buah negeri tersebut. Kami sedar, Tuan Yang di-Pertua, sewaktu projek ini dirancang dahulu sudah ada kilang pengeluaran simen di Semenanjung Malaysia tetapi kerana pengalaman kami dalam tahun 1974/75 iaitu bila berlaku kekurangan simen yang meliputi seluruh dunia dan bila Sarawak tidak diberi layanan yang sewajarnya oleh pengeluar-pengeluar simen di Semenanjung Malaysia, kami lantas memutuskan untuk menubuhkan projek ini bagi menjamin supaya kami tidak akan menghadapi kekurangan simen lagi yang banyak menghalang rancangan-rancangan pembangunan kami. Dalam merancang projek ini, kami yakin sekurang-kurangnya akan melindungi dari saingan pengeluar-pengeluar simen luar negeri bagi menjamin keutuhannya dalam tahun-tahun permulaannya mengeluarkan hasil.

Surat rayuan meminta perlindungan ini telah disampaikan kepada pihak berkuasa Persekutuan yang berkenaan, tetapi malangnya ia telah tidak diberi pertimbangan sewajarnya atas alasan bahawa projek itu belum lagi dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendaki ialah satu ketentuan dasar dari pihak Kerajaan Persekutuan samada projek ini akan diberi perlindungan tatkala menghadapi persaingan simen dari luar negeri. Saya sesungguhnya tidak faham kenapa ketentuan ini tidak diambil dan pengambilan tanggungan melindungi perusahaan ini oleh Kerajaan Persekutuan tidak pula dibuat. Bila Kerajaan Persekutuan meminta Kerajaan Negeri Sarawak bekerjasama dengannya melindungi beberapa perusahaan tertentu yang utama di Semenanjung Malaysia menentang impot dari luar negeri, kami memahami hakikat itu dan bersetuju bekerjasama supaya perusahaan tempatan boleh hidup menghadapi saingan hebat dari luar negeri. Apa yang saya kurang mengerti sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah kenapa bila CMS di Sarawak meminta perlindungan tarif dalam menghadapi saingan dari simen yang didatangkan dari luar negeri, permintaan ini telah tidak diluluskan. Tepatlah bak kata sebuah bidalan Minang yang berbunyi:—

“Apa yang lamak dikukuran,  
tak semestinya lamak di Belango.”

Kami yakin Kerajaan Persekutuan akhirnya akan menimbangkan permohonan simen itu dengan penuh simpati. Tetapi kenyataan tetap kenyataan bahawa permohonan asalnya telah tidak diberikan pertimbangan yang bersungguh-sungguh dan penuh simpati sebagaimana sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memenuhi dengan baiknya permohonan Kerajaan Negeri supaya pelabuhan Bintulu dicadangkan diistiharkan sebagai sebuah pelabuhan Persekutuan, kerana pembesaran projek tersebut memakan belanja

yang besar yang Kerajaan Negeri tidak berupaya memikulnya. Setelah pelabur-pelabur asing menunjukkan minat yang besar mendirikan perusahaan-perusahaan berat seperti pelaburan aluminium di kawasan Bintulu, saya gembira yang Kerajaan Persekutuan telah memberikan harapan yang positif kepada pembangunan yang dicadangkan bagi mengadakan projek hydro air terjun di Pelagos untuk memenuhi kehendak seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak juga, jika Semenanjung mahu mendapatkan tenaga letrik daripada Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, telah ada gambar-gambar penyiaran yang terlalu awal berkenaan dengan perubahan-perubahan terhadap penempatan setengah-setengah perusahaan. Pancarannya terlalu awal ini tidaklah baik kepada perkembangan perpaduan di antara negeri-negeri dan perkembangan perhubungan yang sihat di antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri yang berkenaan. Saya ambil sebagai contoh penyiaran tentang penempatan projek baja uria yang disyorkan oleh pakar-pakar bahawa Bintulu adalah tempat yang sebaik-baiknya dalam Malaysia atas perhitungan ekonomi semata-mata, syor ini tidak boleh digugat-gugat tetapi malangnya meletus sahaja satu kenyataan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan projek tersebut mungkin ditempatkan di Kuantan. Saya tidak menentang sedikit juga dan saya menyokong sepenuhnya asas menabur-naburkan perusahaan tetapi demi sahaja sesuatu persefahaman telah tercapai berhubung dengan tempat sesuatu projek tertentu dalam sebuah negeri tertentu, maka sekurang-kurangnya hendaklah ada perundingan dengan negeri yang berkenaan sebelum keputusan dibuat menukarkan tempat itu ke negeri yang lain. Kalau tidak mahu berunding, beri tahulah sahaja kami terlebih dahulu supaya jangan kami mengetahuinya daripada berita-berita dalam akhbar-akhbar. Kami bukannya tamak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang kami ingin dipastikan dalam kedudukan yang demikian ini ialah bahawa dalam menjalankan sistem

Persekutuan hendaklah ada aliran penerangan dan perundingan yang berterus-terusan dari Pusat ke Negeri. Dengan jalan begitu sahaja baharu Kerajaan Persekutuan boleh mencapai keputusan-keputusan seperti penempatan projek yang demikian secara teratur selaras dan pasti yang nanti akan mengurangkan salah faham di antara Kerajaan Persekutuan dengan Negeri-negeri. Sudah tentu permintaan ini bukannya sesuatu yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira menyatakan bahawa kelambatan menyampaikan wang Persekutuan ke Negeri Sarawak yang selalu dialami pada masa-masa yang lalu kini telah diatasi. Sekalung bunga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya juga gembira menyatakan bahawa hubungan dan peraturan kewangan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah diperkokohkan lagi dan diperbaiki. Bagaimanapun dalam satu hal suatu langkah mundur telah diambil dan perkara inilah yang saya hendak tarik perhatian Dewan yang mulia ini.

Dalam masa yang lalu semua cadangan pembangunan samada yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri ditimbang oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu supaya membolehkan negeri yang berkenaan melibatkan diri secara sepenuhnya dalam setiap projek tanpa mengira kedudukan kewangan. Faedah besar sistem ini ialah memungkinkan kegiatan-kegiatan dan rancangan-rancangan kerja berbagai agensi pelaksanaan di peringkat negeri diselenggarakan dengan sepuh-penuhnya. Akitek cara ini, sistem ini tidak lain dan tidak bukan ialah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak kita. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, sistem ini sekarang telah disemak semula iaitu dengan memberikan kuasa pihak agensi pusat, Kerajaan Persekutuan berhubungan terus dengan Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri-negeri dalam kerja memeriksa anggaran perbelanjaan tahunan mereka dengan mengeneipkan Kerajaan Negeri. Akibatnya bukan sahaja Yunit Perancangan Negeri bahkan Kementrian

Kewangan dan Pembangunan Negeri juga mungkin tidak akan terlibat dalam proses yang demikian, lebih-lebih lagi sepanjang yang mengenai projek-projek yang dibiayai menerusi wang pemberian Kerajaan Persekutuan maka pihak Kerajaan Negeri nampak-nampaknya disogokkan selalu dengan satu *fait accompli* sesuatu yang harus diterima sebagai sudah semestinya kerana ia tidak terlibat dalam menyediakan perincian-perincian anggaran perbelanjaan tadi. Hal ini telah menimbulkan banyak kecelaruan dan satu dari contoh-contohnya terdapat dalam hakikat bahawa setengah-setengah pemberian wang dan pinjaman kepada Kerajaan Negeri hanya dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 1978 setelah Kerajaan Negeri menarik perhatian pihak berkuasa Persekutuan yang berkenaan kepada keciciran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sebarang sebab yang memaksudkan Kerajaan Persekutuan membantah Kerajaan Negeri turut serta memproses projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di negeri kami. Oleh kerana sistem demikian telah berjalan lancar dan memuaskan pada masa lampau maka saya suka mendesak Kerajaan Persekutuan supaya jangan menukar perahu di tengah-tengah arus Rancangan Malaysia Ketiga tetapi sebaliknya hendaklah kembali ke sistem lama yang membolehkan Kerajaan Negeri sentiasa diberikan gambaran penuh berhubung dengan segala kegiatan dan projek Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri kami. Membelakangkan Kerajaan Negeri dalam konteks ini bukan sahaja membayangkan kekurangan kecekapan bahkan boleh pula memberikan pukulan hebat kepada perkembangan perpaduan dinamis yang hidup, yang seharusnya digalakkan oleh susunan Persekutuan kita iaitu jika kita benar-benar menghendaki perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini sekarang kepada projek-projek keselamatan, saya percaya kita semua bersetuju dengan hakikat

bahawa kita sedang berhadapan dengan kedudukan yang paling nyata yang paling realistik kerana baik di Semenanjung Malaysia mahupun di Sarawak kita sangat terhutang budi kepada pasukan keselamatan kita yang telah mengekalkan lebih 30 tahun lamanya, kedaulatan dan keutuhan bangsa dan negara menghadapi percubaan ganas dan gigih pertubuhan-pertubuhan pengganas komunis, subversif dan anti-nasional yang bertujuan menghancurkannya, tetapi keterusan barisan keselamatan haruslah pula disesuaikan dengan sekurang-kurangnya keterusan yang sama dalam segala dasar Kerajaan Persekutuan. Ini adalah suatu hakikat yang mestinya menerima persetujuan yang bulat. Kawasan keselamatan yang paling sensitif di Sarawak ialah yang dikenal sebagai RASCOM di Bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh dan Kerajaan Barisan Nasional yang tadi telah bersetuju membiayai seluruh projek menempatkan semula penduduk-penduduk luar bandar pada 4 buah daerah RASCOM iaitu Nanga Sekuau, Nangadap, Nanga Tada dan Nanga Nungung. Bagaimanapun kini pihak Kerajaan Persekutuan telah membuka semula perkara ini seluruhnya dan sedang merundingkan dengan Kerajaan Negeri bagi membiayai setengah-setengah bahagian perbelanjaan terutama bantuan kebajikan kepada keluarga-keluarga yang berkenaan sehingga mereka mampu menanggung diri mereka sendiri manakala lada dan getah mereka mengeluarkan hasil dalam tempoh 5 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kami memang sentiasa bersedia melakukan ini jika kami mempunyai wang tetapi di sinilah letaknya masalah. Itulah sebabnya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dahulu bersetuju untuk membiayai projek tersebut tadi. Semua hasil negeri yang diperolehi dari bahan eksport utama kami masuk ke dalam tabung kewangan Kerajaan Persekutuan bahkan royalti yang kami terima dari hasil minyak yang dahulunya dipunyai oleh Kerajaan Negeri semata-mata sekarang dibahagi-bahagikan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak atas permohonan Allah-

yarham Tun Abdul Razak dahulu. Yang demikian saya menyeru Kerajaan Persekutuan supaya menghadapi kenyataan tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan mengekalkan terusan dasar dan janji-janji yang telah dibuat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menunjukkan bagaimana perpaduan yang seharusnya ditingkatkan dan diperkukuhkan oleh dasar ekonomi dan kewangan kita sebenarnya telah dicerderakan oleh beberapa sikap dan langkah mundur Kerajaan Persekutuan. Sekarang saya ingin pula menunjukkan bahawa asas realisma yang seharusnya dijadikan tapak tegak perhubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Negeri-negeri telah juga sering keciciran dan membawa kita ke alam kedudukan yang tidak ada isi atau intinya yang progresif dan dengan demikian melemahkan susunan Persekutuan. Biarlah saya mula-mula sekali menyentuh aspek yang paling penting dari Dasar Ekonomi Baru iaitu penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan. Kita tidak akan mampu memandang perkara ini dengan secara sungguh-sungguh berterus terang dan kongkrit kecuali kita menyedari prinsip utama yang terlibat dalam sistem perusahaan swasta dan tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga tadi. Kita tidak tinggal dalam dunia impian. Kita telah memilih sistem perusahaan yang bebas dan demokratik, pemodal sebagai sistem yang baik boleh memenuhi kehendak kemajuan sosio-ekonomi yang cepat di peringkat sekarang. Jika kita meneliti masyarakat di dunia ketiga kita akan melihat adanya beberapa pilihan yang terbuka bagi kita, pemerintahan feudal yang kuasanya terletak di tangan bilangan yang sedikit. Kerajaan-kerajaan reformasi tentera dan sistem kuasa tunggal komunis semuanya menuju ke arah memodenisasi sosio-ekonomi yang sama. Tetapi kita telah memilih tidak akan mengikut langkah-langkah mereka itu melainkan sebaliknya memperkembangkan sistem perusahaan yang bebas dan susunan politiknya yang demokratik. Ini adalah hakikat yang benar dan tidak ada orang yang boleh melari-

kan diri daripadanya. Dan dalam bentuk sunan ekonomi, politik yang tertentu inilah matlamat kelima Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana yang dibentangkan di muka 49 Buku Rancangan Malaysia Ketiga itu menyeru Kerajaan dan rakyat Malaysia demikian. Marilah kita lihat bagaimana dua matlamat ini sedang dilaksanakan dalam sistem perusahaan swasta kita ketika ini. Adalah amat dikesalkan bahawa apa yang sedang kita laksanakan sekarang bukan hanya melahirkan masyarakat perdagangan dan pengusaha yang kuat dan dapat hidup di kalangan bumiputra melainkan meningkatkan suatu masyarakat pedagang dan kuasa Ali-Baba yang kuat dan dapat hidup.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menjalankan suatu dasar pembahagian saham syarikat yang terlalu bersentimen dengan mengeluarkan terlalu banyak saham-saham kecil kepada terlalu ramai bumiputra kita secara berkesan melemahkan kedudukan mereka dalam sektor yang penting ini yang memilih modal menghasilkan dan memaksa mereka memasuki kedudukan yang tidak dapat dipertahankan kerana mereka mempunyai terlalu sedikit saham untuk dapat menekankan penguasaan tetapi hanya sekadar cukup untuk mendapatkan sedikit keuntungan jika mereka menjual saham tersebut kepada bukan bumiputra bila harganya naik. Kita sebenarnya tidak boleh menyalahkan mereka ini berbuat demikian kerana itulah logiknya dalam keadaan yang demikian. Jika kita terus menggunakan strategi cepok seperti itu adakah mungkin kita mencapai penguasaan minima 30% saham syarikat atau modal yang menghasilkan pada tahun 1990.

Ada akhbar-akhbar tempatan yang sekarang melihat perusahaan Ali Baba ini sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan dan dengan yang demikian mencadangkan supaya kesannya dapat dikurangkan. Dengan lain perkataan, sebagai ganti Ali Baba kita menerima kemungkinan perkongsian yang tidak dapat dielakkan dan mendesaknya dinamakan Ali dan Baba dengan bukan bumiputra dan

bumiputra memegang saham yang sama jumlahnya dan melakukan tanggungjawab yang sama juga. Cara teori syor-syor ini dapat dihargai tetapi pada amalannya saya nampak satu keadaan yang di dalamnya Ali dan Baba cara beransur-ansur tetapi pasti akan bertukar menjadi Ali Baba kembali, pulang ke takuk asal kerana perniagaan bukan bumiputra sudah jauh ke hadapan perniagaan bumiputra dalam kepandaian dan hubungan perniagaan. Tidak hairanlah mengapa setengah golongan mengistilahkan joint-venture, sebagai bumiputra joints non-bumiputra ventures atau usahasama itu sebagai usaha dan sama namanya yang bererti bukan bumiputra berusaha mendapatkan segala-galanya sedang bumiputra sekadar ada bersama pada namanya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus jangan melupakan bahawa kita sedang berada dalam sistem perusahaan bebas dan kita mesti mematuhi lojik sistem ini atau menghadapi kehancuran. Adalah satu kebenaran yang tidak dapat dinafikan bahawa di bawah susunan perusahaan bebas sangat sukar bagi semua orang untuk menjadi usahawan belaka. Kita mesti mengakui adanya batas-batas sistem tersebut, sedang bersamaan dengan itu menggunakan sepenuhnya-penuhnya kesempatan dan peluang yang ditawarkan untuk maju ke muka. Dengan demikian, saya harus meminta Kerajaan bukan bagi kali yang pertamanya di Dewan yang mulia ini menubuhkan tabung kewangan berpusing sejumlah sekurang-kurangnya \$2 billion bagi membiayai pengambilan kuasa dan penguasaan yang sungguh-sungguh atas modal syarikat di dalam syarikat-syarikat yang baru dibawa oleh bumiputra yang dipilih dengan cermat dan hati-hati. Kita tentunya mesti bersedia pula mendapati beberapa orang bumiputra pilihan tadi terhumban ke tepi jalan. Ini tidak dapat dielakkan tetapi ia tidak seharusnya melemahkan semangat kita kerana dengan itu kita sudah dapat melahirkan satu teras dari masyarakat peniaga bumiputra yang kuat dan dapat hidup yang merupakan salah satu matlamat yang penting Rancangan Malaysia Ketiga. Kemudian bolehlah kita besarkan terus itu tadi.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sendirilah yang menambah kerumitan uchah corot para bumiputra dan meletakkan rintangan di tengah jalan mereka bagi mengembangkan usaha mereka dan mendapat kejayaan yang lebih besar. Misalnya, ada beberapa titik hitam dalam dasar Kerajaan mengenai penyertaan usahawan bumiputra. Salah satu daripadanya ialah galakan pihak Kerajaan kepada bukan bumiputra yang sudah kokoh pendiriannya, yang berjaya dan sudah selamat kedudukannya supaya bersaing dengan peniaga bumiputra yang masih hijau dan tidak berpengalaman yang sedang berhempas-pulas, cuba menjejakkan kakinya di ambang pintu perdagangan baru. Misalnya, lihatlah sektor pemasangan kereta yang dipunyai oleh bumiputra di Semenanjung dan juga di Sarawak sebagai contoh. Harapan syarikat bumiputra dalam sektor ini telah pecah berderai sekarang dengan adanya keputusan baru Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memberikan kelulusan kepada syarikat bukan bumiputra di Semenanjung ini, Tan Chong Motor Assembly bagi memasang lima jenis kereta niaga yang dikeluarkan oleh Nissan Diesel yang akan bersaing dengan jenis kereta yang dipasang oleh syarikat-syarikat bumiputra. Sepanjang pengetahuan saya Jumaah Menteri telah membuat satu keputusan di awal tahun 1974 bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa Kerajaan tidak akan meluluskan lagi kereta-kereta jenis baru dipasang di Malaysia sebagai tambahan kepada jenis-jenis yang sudahpun diluluskan pemasangannya. Keputusan ini akan ditimbang semula setiap lima tahun yang bererti bahawa penimbangan semula hanya akan dilakukan kira-kira dalam tahun 1979. Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri baru-baru ini ada mengumumkan yang dia tidak akan mengambil langkah mengurangkan jenis-jenis kereta yang dipasang di Malaysia. Yang demikian, sukar saya mengertikan mengapa kelulusan pemasangan bagi kereta-kereta jenis baru ini diberikan kepada Tan Chong Motor Assembly.

Adakah ini satu lagi perkara pilih kasih atau diskriminasi terhadap industri Sarawak Motor Assembly di Sarawak sebagaimana halnya dengan perkara cukai eksport lada yang telah terdahulu saya sebutkan. Sarawak Motor Industry yang dipunyai dan dijalankan oleh bumiputra yang masih berhempas-pulas untuk mendapatkan keuntungan dalam perniagaan pemasangan kereta yang paling tinggi persaingannya ini telah menerima pukulan hebat hasil dari keputusan baru Menteri Perdagangan dan Perindustrian ini. Alangkah malangnya jika syarikat baru bumiputra ini menemui ajalnya lebih segera oleh adanya langkah yang salah timbang dan sewenang ini, menutup riwayatnya oleh Kerajaan yang berjanji di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membantu dan boleh hidup.

Dalam hubungan ini nampak-nampaknya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian bertindak bertentangan dengan dasar Jumaah Menteri dan Perdana Menteri sekarang bila dia menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam tahun 1974 dahulu. Sekali lagi saya ingin menerangkan jikalau akibat tindakan yang Berhormat Menteri itu terpaksa Sarawak Motor Industry mengalami kerugian lagi, ambillahlah industri itu daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai Kerajaan untuk kemajuan yang di dalamnya terdapat satu ataupun dua Kementerian yang nampak-nampaknya sedang berjalan ke belakang. Satu lagi contoh yang menunjukkan tiadanya realisma atau bukti hakikat membantu bumiputra yang membawa kita akhirnya ke alam yang di dalamnya terdapat Ali Baba yang makmur sahaja ialah usaha mengimpot kereta-kereta dan motosikal-motosikal lama yang dibaharui ataupun recondition ke Sarawak, dalam tahun 1974 diadakan quota baginya supaya tidak mencederakan perusahaan kereta di Semenanjung Malaysia. Bila peniaga-peniaga bumiputra memasuki perniagaan tersebut quotanya ditentukan 3.3% sahaja bagi kereta recondition dan 5.4% bagi

motosikal recondition. Quota ini sungguh kecil sekali berjumlah kira-kira separuh dan kurang separuh sahaja dari apa yang dibenarkan kepada peniaga-peniaga bukan bumiputra. Begitupun modal yang diperlukan bagi perniagaan yang demikian sangat besar oleh kerana untuk mendapat jaminan berhutang suatu jumlah wang permodalan sebanyak 25% nilai setiap kereta yang diimpot adalah diperlukan. Begitu juga diperlukan membayar cukai bagi kereta-kereta yang dibawa masuk sebelum dijual sebanyak lebih dari 70% nilai setiap kereta yang diimpot. Lagi pula ada keadaan semmentaranya perniagaan ini bagi menyedapkan hati kerana quota lesennya tidak semestinya membolehkan anda mendapat lesen lain dalam tempoh masa yang akan datang. Yang demikian, tidaklah menguntungkan bagi syarikat bumiputra, yang demikian mengadakan sebuah kamar pertunjukan, pekerja-pekerja bagi menjalankan pentadbiran dan penjualan kereta dan perkhidmatan penjualan yang memerlukan penubuhan sebuah bengkel dan menggaji tukang membaiki kereta. Semuanya ini memerlukan perbelanjaan urusan perniagaan yang besar dan kecuali sistem yang ada sekarang ini diberikan pembiayaan yang diperlukan selain dari quota yang tinggi, sementara umur lesen dilanjutkan lagi sekurang-kurangnya dua tahun maka kecurangan-kecurangan yang berlaku sekarang dalam perniagaan ini akan berterusan dan kita tidak akan boleh menyalahkan peniaga-peniaga bumiputra semata-mata kerana kecurangan-kecurangan perniagaan tersebut.

Kecurangan yang utama tentunya adalah dalam bentuk penjualan lesen mengimpot kereta kepada syarikat bukan bumiputra dengan harga purata \$500 bagi sebuah kereta. Kita boleh berkata bahawa Ali Baba meluaskan wilayahnya kerana Kerajaan ada untuk memberikan pertolongan dengan kuasa yang ada padanya. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian secara sedar menggalakkan amalan-amalan Ali Baba yang demikian dengan sewenang-wenangnya memberikan lesen baru kepada syarikat-syarikat Ali Baba

untuk mengimpot kereta reconditioned dan motosikal reconditioned. Suatu titik hitam lagi dalam pelaksanaan dasar meningkatkan penglibatan bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan ialah berita-berita tentang bertambahnya saingan di antara agensi-agensi Kerajaan dengan syarikat-syarikat bumiputra. Kemudian ada pula kelambatan yang membosankan dalam menyelesaikan bayaran-bayaran oleh Kerajaan. Barangkali tidak disadari sepenuhnya, betapa besarnya kelambatan ini mengecewakan peniaga-peniaga bumiputra yang sementara menunggu pembayaran ini terpaksa mencari pinjaman dari bank-bank dengan bunga yang bertambah supaya dapat hidup terus. Semua titik-titik hitam dalam pelaksanaan dasar Kerajaan terhadap peniaga-peniaga bumiputra ini mestilah dihapuskan dengan serta-merta jika sekiranya janji mendapatkan sekurang-kurangnya 30% saham dalam modal syarikat hendak dicapai dalam tahun 1990. Melihat kadar perjalanan kita sekarang tidaklah memeranjatkan kalau sekiranya matlamat itu tidak tercapai langsung.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan adalah suatu proses yang dinamis yang hidup dan bukan beku dan kita semuanya melibatkan diri di dalamnya. Yang demikian, kenapakah kita sebagaimana yang telah saya buktikan selalunya tersadung dan terhuyung-hayang oleh rintangan dan halangan bikinan, kita sendiri. Kenapakah sebagaimana sepatutnya kita tidak maju kemukakan dengan cara yang selaras, menyeluruh dan seia-sekata. Sungguhpun kita dengan penuh kesedaran merangkakan gerak maju kita menerusi rintikan rancangan-rancangan lima tahun yang bertahap-tahap; kenapakah tahun demi tahun kita masih mengandungi kesalahan dan kelemahan yang serupa dalam perlaksanaannya yang mengakibatkan timbulnya salah faham di kalangan rakyat, di kalangan Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Pusat suatu salah faham yang menuju ke arah menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat. Perpaduan Negeri dan Persekutuan. Perpaduan yang dinamis dan

penerimaan kenyataan yang hakiki yang begitu penting kepada kemajuan kita sebagai sebuah negara Federalis. Mungkin setengah orang akan mengatakan bahawa kesalahan itu terletak kepada tabii manusia. Kepada kesilapan pentadbiran insan biasa. Atau kepada kegagalan rakyat menukar cara lama mereka yang tidak sama sekali ada hubungannya dengan proses permodenan yang telah menjadi intipati hidup kita, insperasi kita dan impian kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut hemat saya kesilapan yang terutama terletak pada diri kita sendiri, ia terletak kepada tokoh-tokoh politik yang menyeru pentadbiran awam dan rakyat ramai mengkesampingkan cara lama mereka yang turun-temurun tetapi gagal pula menyedari peranan mereka sendiri sebagai para pemimpin yang harus menunjukkan contoh yang baik kepada pihak-pihak yang mereka seru tadi. Dapatkah kiranya ketam mengajar anaknya berjalan betul?

Tuan Yang di-Pertua, tanpa kita meninjau ke dalam dan memeriksa diri kita sendiri, mengenali sikap dan nilai hidup kita, bagaimanakah kita boleh bertindak sebagai contoh yang baik. Sebagai agen pembaharuan kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, telah sekian lamanya bukan sahaja dalam lingkungan masyarakat kita bahkan dalam lingkungan dunia ketiga juga kita telah hidup dalam keadaan serba kekurangan. Dari politik serba kekurangan ini kita tingkatkan sikap-sikap tertentu yang akhirnya mendarah-dagingkan kepada kita, berakar umbi dan sekarang sikap-sikap tersebut telah menjadi begitu membebankan dan menyusahkan bila kita berhadapan dengan situasi yang lain sama sekali. Jika andainya kita masih lagi didorong oleh sikap aur dalam belukar yang merupakan ciri sikap dalam keadaan serba kekurangan nyatalah kita memasuki dalam masa depan, menerjuni politik pembangunan dengan meneruskan sikap lama yang menghalang yang kita warisi dari politik serba kekurangan tadi.

Sikap-sikap lama ini melahirkan banyak kepincangan yang menular di tengah-tengah masyarakat kita hari ini. Kecurigaan mereka yang menjadi pemimpin dan mereka yang kita cuba hendak memperkecilkan dan menggulingkan, penekanan kepada pemerintahan yang berlandaskan garis-garis yang ketat, beku dan berkasta, kesangsian yang mendalam pada daya cipta dan pembaharuan, penekanan pada disiplin dari luar yang dipaksa dan bukannya pada disiplin persendirian yang datangnya dari dalam. Penentuan kepatuhan kepada *status quo* dan yang terutamanya kepada kedudukan yang merenggangkan kita dari rakyat ramai khususnya para pengkritik kita. Kecenderungan melihat apa yang kita mahu lihat semata, keterlaluan memberikan keutamaan kepada apa yang sudah kebiasaan dan mengelakkan tanggungjawab semuanya ini adalah nilai-nilai lama yang mestinya kita lenyapkan sebelum kita boleh mengharap dapat mengubati orang lain. Semuanya ini adalah nilai politik serba kekurangan yang beku yang tidak berubah yang seharusnya memberi jalan kepada nilai politik pembangunan yang serba segar pencapaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran pendapat dan bukannya kecurigaan. Demokrasi dan bukannya amalan berkasta yang ketat dan keras. Perubahan yang dinamis dan bukannya *status quo*, daya cipta yang hidup dan bukannya kelesuan. Pembaharuan dan bukannya kebiasaan harian. Inilah dia sebahagian daripada nilai pencapaian baharu yang mesti kita tingkatkan dalam diri kita sebelum kita boleh mengharap orang lain akan mengikut kita. Inilah dia nilai-nilai yang telah di-amalkan oleh pemimpin-pemimpin kita seperti Tunku Abdul Rahman, Allahyarhamallahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail — merekalah manusia contoh bagi kita yang mahu merangsangkan kita, jika kita ingin kemudiannya menjadi contoh yang hidup untuk kepimpinan yang kita perlukan hari ini, kepimpinan yang darinya semua kita boleh mendapat pelajaran yang melambangkan politik pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berucap di Dewan yang mulia ini secara terus terang tanpa selindung-selindung lagi, tetapi dengan penuh keikhlasan dan kejujuran. Saya bermaksud untuk memperkatakan yang benar, menunjukkan kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan strategi pembangunan kita dan cara perlaksanaannya untuk mempasti supaya semuanya diperbaiki demi kepentingan rakyat, yang kurang kita tambah, yang salah kita perbetulkan, yang lemah kita perkuatkan.

Saya telah cuba mengikuti nasihat tidak lain dan tidak bukan ialah dari seorang sahabat besar junjungan kita s.a.w. iaitu Saidina Abu Bakar; apabila beliau menjadi Khalifah dalam pidatunya yang pertama, beliau telah berkata: "Ikutlah saya, jika saya benar, dan perbetullah saya jika saya salah."

Adalah menjadi kewajipan para pemimpin kita mendengari segala nasihat dan teguran yang membina dan tegas yang diberikan oleh rakyat yang taat setia dan juga diberikan oleh sahabat-sahabat sejati yang menunjukkan kesilapan dan kekurangan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab penyokong-penyokong, sahabat-sahabat menegur atas perkara yang mereka fikir ada kepincangan, ada kesilapan dan ada kekurangan. Saya harap ucapan saya tidak disalah mengertikan. Saya sangat-sangat mengharapkan apa yang saya sebutkan di sini akan menjadi bahan untuk dipertimbangkan bagi memperkuatkan lagi kedudukan kita di dalam negeri.

4.40 ptg.

**Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi):** Tuan Yang di-Pertua, Kedah tidaklah ada rumah panjang, namun masalah-masalahnya boleh dikatakan banyak daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Payang itu, sama kita menghadapi. Suka saya pastikan di sini walaupun kita tidak ada rumah panjang tetapi rumah-rumah yang diisikan oleh orang-orang yang miskin di Negeri Kedah memang masih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan baru ini adalah satu Belanjawan yang boleh dianggapkan sebagai Belanjawan yang agak benevolent dan memandang keadaan liquidity bank-bank perdagangan di negara kita pada waktu ini seharusnya kita akan mendapatkan sambutan yang baik terhadap seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan dari pihak swasta untuk menambah dan meninggikan lagi productivity dan output pada keseluruhannya supaya angka 2% yang masih kita kekurangan daripada target tahun ini dapat kita capai sebelum akhir tahun ini. Tetapi malangnya, Belanjawan yang begitu baik tidak cukup untuk menjadi dorongan yang memuaskan walaupun ianya diakui sebagai satu faktor yang penting.

Perhubungan di antara Kerajaan, pegawai-pegawai iaitu bureaucrat dan swasta atau ahli-ahli perniagaan dan perusahaan adalah merupakan satu unsur lagi yang dianggap penting dalam mendorong perkembangan perusahaan untuk menambahkan rezki kepada rakyat dan di samping itu menambah peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang yang masih menganggur. Cara-cara untuk meninggikan minat dan taraf perusahaan bermaknalah keperluan penerangan dan penentuan tentang public interest dan pembentukan cara-cara yang lebih baik dan memuaskan lagi bagi memproseskan pelaburan patut dikaji.

Perhubungan yang kerap di antara Kerajaan dan pengusaha-pengusaha dan pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan adalah penting dan perlu. Sekarang ini ada didapati masalah-masalah di mana sebelah pihak cuba memahami apa yang pihak lain memerlukan, kesulitan perhubungan ini timbul hasil daripada beberapa faktor yang tertentu. Salah satu daripadanya ialah perasaan takut sekiranya pihak Kerajaan atau agensi Kerajaan campurtangan secara langsung sehinggalah pihak swasta dalam perusahaannya itu akhirnya tinggal kepada equity sahaja di mana lain daripada lain semuanya akan dikontrol oleh Kerajaan.

Lapangan swasta masih lagi kluatir dan ragu-ragu tentang apakah objektif-objektifnya apabila menimbang tentang butir-butir detail dan tentang bidang (extend) di mana Kerajaan memerlukan kerjasama daripada pengusaha-pengusaha. Ini adalah disebabkan oleh penterjemahan yang berlainan di peringkat pelaksanaan oleh setengah-setengah pegawai yang bertanggungjawab dan seolah-olah memberi gambaran bahawa dasar Kerajaan itu adalah bergerak daripada satu extreme ke satu extreme yang lain. Misalnya, daripada konsep *laissez faire* kepada intervention.

Tawaran-tawaran Yang Berhormat Menteri Kewangan memang generous untuk menarik perusahaan, tetapi yang akan menjadi masalah bagi kita peraturan-peraturan yang dikenakan oleh setengah daripada setengah agensi Kerajaan atau Jabatan-jabatan Kerajaan didapati kadangkala telah menyebabkan kesusahan bagi orang-orang yang ingin mengambil peranan dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Setengah-setengah pegawai Kerajaan telah memberi terjemahan dan ideanya sendiri terhadap dasar Kerajaan itu. Kadangkadang tidak secukup langsung dengan yang ditentukan oleh Kerajaan. Keterangan penerangan yang betul ini menyebabkan kelambatan penyertaan pihak swasta dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Pihak Kerajaan oleh itu hendaklah mengadakan banyak lagi dialog dan falsafah perniagaan yang lebih baik untuk mengendalikan perhubungan perniagaan perusahaan dengan lapangan swasta kalau Rancangan Malaysia yang Ketiga ini hendak dijadikan kenyataan dan dijayakan.

Penyertaan pihak Kerajaan dalam perusahaan kerap kali menimbulkan perselisihan faham dan kadang-kadang melibatkan perkembangan. Pihak Kerajaan kadang-kadang hendak mengadakan satu-satu bentuk kawalan atas harga-harga barang, gaji dan penyusunan semula (restructuring) tetapi campurtangan hasil dari kekurangan perundingan dengan swasta sebagai rakan

seperusahaan telah mengakibatkan pengurangan pengeluaran (boring of productivity) dan kadangkala mengakibatkan kerugian wang terhadap industri-industri iaitu faktor-faktor yang bertentangan dengan kepentingan perniagaan telah dijalankan dengan tujuan supaya mereka itu ikuti apa sahaja yang ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Satu misal yang saya boleh beri iaitu beberapa barangan yang diimpot telah dijual dengan baik di sini oleh pengedar-pengedar tertentu. Tetapi setengah-setengah pegawai daripada Kementerian yang tertentu telah meminta supaya barangan-barangan ini dikeluarkan di tempatan dengan tidak memahami bahawa pasaran di sini adalah tidak mencukupi misalnya, dan juga kekurangan material menyebabkan tidak mungkin barangan-barang itu boleh dibuat di sini dengan cukup untung. Oleh itu, konsep urusan (management) hendaklah ditentukan dengan jelas supaya tidak hanya seorang yang berkuasa dan pertimbangan yang seimbang dicapai.

Tegasan perusahaan adalah perkembangan dan keuntungan. Perusahaan hendaklah menjadi berkesan hendak meninggikan pengeluaran dan melaburkan lebih untuk dijual di luar negeri, sekiranya hendak mencapai kejayaan.

Pihak perusahaan ingin membantu Kerajaan mencapai matlamatnya tetapi mereka mestilah menjalankan dengan cara yang mereka ketahui dengan ketiadaan sekatan oleh keperluan dasar Kerajaan yang berlainan dengan dasar mereka itu asalkan dengan kerjasama berdua ini kita boleh membawa kemakmuran kepada negara.

Pihak Kerajaan kerap menyatakan bahawa lapangan perusahaan berkurangan tenaga dan keupayaan pengeluaran untuk mengambil peluang-peluang dari pendorong atau perangsang khas yang diadakan itu. Tetapi pihak perusahaan pula berpendapat bahawa mereka hanya dipinta untuk memenuhi semua matlamat sebagai agen sahaja dan bukannya sebagai rakan perkongsian yang bertanggungjawab bersama. Pihak Kerajaan agak hairan

mengapa dasar yang benevolent itu tidak menerima sambutan yang begitu hangat sekali. Harus dinyatakan bahawa konsep perundingan (consultation) dengan ketiadaan perkongsian itu telah mengeciwakan lapangan swasta. Satu misalan ialah penempatan tempat perusahaan di beberapa negeri di mana perusahaan yang memerlukan banyak pekerja telah diadakan.

Pihak swasta telahpun mengambil peranan untuk mengadakan industri-industri yang labour-intensive, tetapi bukan sahaja mereka tidak dapat memperoleh buruh-buruh bahkan buruh-buruh itu juga tidak ada untuk digunakan dalam industri-industri yang telahpun disediakan. Oleh itu untuk menjadikan mereka bertanggungjawab bagi kepentingan negara maka wajarnya diadakan perkongsian yang sama dalam tanggungjawab dan decision-making dalam soal untuk membangunkan ekonomi kita secara bersama.

Satu masalah lagi ialah tentang ideologi politik (political ideology) di mana dasar dan tujuan Kerajaan adalah dihormati oleh pihak swasta tetapi malangnya ideologi ini tidak diberi fahaman yang sama oleh setengah-setengah bureaucrat apabila tiba masa untuk melaksanakannya. Pendekatan secara co-partnership itu adalah penting. Ahli-ahli perniagaan memang sedar tentang tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga ini tetapi mereka juga sama khuatir tentang menjalankan perusahaan mereka selaras dengan ideologi Kerajaan tetapi ada didapati confusion hasil dari sikap setengah-setengah bureaucrat dan kelemahan tenaga daripada setengah-setengah jabatan. Misalnya, apabila tibanya masa untuk menggunakan Belanjawan selepas diluluskan setengah-setengah jabatan walaupun mereka ingin menggunakan kumpulanwang yang diluluskan itu tetapi kerap kali mereka tidak boleh berbuat demikian dengan cepat disebabkan oleh kekurangan tenaga dalam jabatan itu sendiri dan kadangkala waran-waran siap disediakan tetapi cash tidak datang. Selain daripada itu kakitangan-kakitangan yang patut ditambah tidak dapat

ditambah dalam masa yang singkat oleh kerana kelewatan jabatan-jabatan lain mengambil pegawai-pegawai yang baru. Akibatnya kumpulan-kumpulanwang itu tidak sempat digunakan dengan cepat. Berikutan dari itu didapati kelewatan pembayaran dan kerap kali dialami oleh kontraktor-kontraktor yang membuat pekerjaan mereka dan bagi projek-projek yang agak kecil maka kontraktor-kontraktor bumiputrah yang menjadi mangsa.

Di sini juga ingin saya menyatakan bahawa bagi negeri Kedah sendiri yang sudahpun menjalankan usaha yang begitu giat untuk menikmati kemajuan dalam tahun ini oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai yang cukup oleh jabatan yang ada sangkutan dengan ibu negara hanya 35% daripada keseluruhan projek-projek tahun 1977 sahaja yang telah disiapkan akibat kekurangan kakitangan. Tetapi apa yang anih, ada pula jabatan-jabatan atau agensi yang ada idea, yang ada tenaga tetapi mereka ini tidak diberi peluang untuk menambahkan budget mereka bagi menjalankan rancangan-rancangan yang tertentu. Bagaimanakah masalah pengangguran dan kemiskinan dalam Negeri Kedah ini akan dapat diatasi apabila perbelanjaan awam sendiri yang dikeluarkan oleh Kerajaan lambat tibanya.

Lapangan perusahaan juga merasa bahawa dalam beberapa hal mereka tertakluk kepada terlampau banyak red tape dan peraturan bagi memenuhi keperluan jabatan-jabatan dan kemudahan beberapa bureaucrat dalam jabatan-jabatan yang tertentu. Misalnya, apabila tiba masa untuk memproses dan meluluskan permohonan bagi projek-projek samada baru atau untuk pembesaran (expansion) tidak ada didapati satu badan yang lengkap yang boleh menyelesaikan semua masalah mengenai guna tenaga pakar-pakar daripada luar, pengecualian cukai, royalties, bantuan teknik, pinjaman tempatan atau daripada luar negeri. Jabatan-jabatan seperti FIDA yang mengesyorkan projek-projek itu juga tidak diberi kuasa yang cukup. Keadaan-keadaan yang agak memalukan telah berlaku di mana FIDA telah

menjamin pemodal-pemodal tentang kelulusan permohonan-permohonan tetapi masih didapati juga bahawa apabila tibanya peringkat kelulusan projek-projek itu telah ditolak oleh badan-badan yang lain. Ahli-ahli perniagaan mementingkan hak dan juga kemudahan. Jentera-jentera Kerajaan mestilah diperbaiki lagi dengan cara mengadakan Sekretariat yang lebih baik lagi pada masa-masa yang akan datang, kakitangan yang mahir dalam bidang teknik dan perniagaan. Pihak Kerajaan seharusnya hendaklah mengadakan jentera pengawasan yang mencukupi untuk menimbangkan akibatnya, lebih-lebih lagi apabila perusahaan-perusahaannya adalah lebih banyak berasaskan teknologi pada masa sekarang ini. Pihak Kerajaan juga harus sedar bahawa kebanyakan syarikat-syarikat adalah juga sedar tentang tanggungjawab sosial, moral dan regional mereka dan mereka juga sanggup mengadakan pegawai-pegawai on secondment untuk digunakan oleh Kerajaan supaya memudahkan kita mengimplemenkan rancangan-rancangan yang telah ditentukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Ada juga didapati pendapat am bahawa dalam beberapa hal setengah-setengah bapa Menteri yang sebok telah menjadi tawanan bagi setengah-setengah daripada pegawai-pegawai oleh kerana apa yang sebenarnya terjadi ialah bukannya dasar Kerajaan atau arahan Menteri yang diikuti malah hanya penterjemahan oleh setengah-setengah pegawai Kerajaan sahaja mengenai dasar-dasar itu. Oleh itu, nyatalah perlunya diadakan delegation yang berkesan, dasar yang betul-betul tersusun terutamanya apabila kita menyentuh soal-soal mengenai perusahaan. Dalam beberapa hal juga setengah-setengah pegawai Kerajaan didapati bertindak kadangkala samada dengan tujuan tertentu atau tidak bertentangan dengan arahan-arahan Menteri oleh kerana mereka mungkin mempunyai kepentingan sendiri. Ini timbul oleh kerana setengah-setengah mereka mempunyai the ears of the Ministers and the hands of the public expenditure. Saya difahamkan bahawa ada terjadinya satu projek di mana Menteri yang berkenaan

telahpun dengan rasminya meluluskan projek itu tetapi kelulusan ini telah dipendam selama 4 bulan oleh pegawai yang berkenaan sebelum diberitahu kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukacita saya menyentuh peranan-peranan penanam-penanam padi di Negeri Kedah dan di Negeri Perlis. Budget yang ada menyebutkan tentang persediaan Kerajaan bagi membantu masyarakat ini. Kita tidak boleh menafikan bahawa setakat ini padi telah lahir sebagai satu komponen pertanian yang penting dalam sektor agriculture tetapi petani-petani walaupun ada pemodenan dalam soal teknologinya tetapi sehingga kini tidak dapat menambah rezki mereka yang begitu mewah oleh kerana bukannya hasil atau disebabkan kekurangan tenaga tetapi kerana ongkos-ongkos bahan-bahan sudahpun naik. Production padi dari Negeri Perlis, Kedah telah naik. Masalah yang ada pada masa ini dalam kawasan padi ialah standard of living masih didapati rendah seperti yang saya katakan tadi kerana kekurangan infrastruktur dan juga kerana harga-harga bahan telahpun naik. Sekiranya masalah-masalah kemiskinan dan migration orang-orang muda-mudi daripada kawasan padi ke kawasan bandar hendak dielakkan dan soal masalah setinggian di kawasan-kawasan urban areas hendak dikurangkan maka perlulah Kerajaan timbang satu insentif khas atau yang baru diadakan kepada petani-petani dan satu package investment programme diadakan bagi membantu masyarakat di kawasan-kawasan rural areas di mana banyak petani-petani ada supaya kita dapat mengadakan industri memproseskan makanan, industri yang labour intensive dan cottage industry untuk mengadakan peluang-peluang pertambahan bagi muda-mudi yang masih mengangur.

5.00 ptg.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Alor Gajah):** Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi saham-saham yang diperuntukkan oleh syarikat-syarikat kepada Bumiputra yang belum

lagi diambil. Pembelian saham-saham yang didaftarkan di Pasaran Saham tidak banyak mendatangkan masalah jika dibandingkan dengan saham-saham yang belum didaftarkan lagi. Sungguhpun begitu, tidak bererti saham-saham yang belum didaftarkan itu kesemuanya tidak mendatangkan keuntungan. Ada juga diantaranya yang mungkin mendatangkan keuntungan yang memuaskan.

Di antara sebab-sebab mengapa Bumiputra tidak dapat mengambil saham-saham tersebut adalah kerana kekurangan punca wang simpanan, kurang memahami cara pelaburan dan kesangsian mereka mengenai keuntungan yang boleh didapati oleh syarikat-syarikat itu. Memanglah diakui banyak faktor dan ukuran perlu dipertimbangkan sebelum seseorang itu melaburkan modal dengan penuh keyakinan.

Telah banyak institusi yang ditubuhkan dan dibiayai oleh Kerajaan yang telah ditugaskan untuk menyertai pelaburan dalam saham-saham syarikat di negara kita ini. Kerajaan tentulah tidak boleh berbuat demikian secara berterusan. Ini adalah kerana memandangkan belanja kewangan Kerajaan perlu diperuntukkan kepada pembangunan-pembangunan yang lain. Kerajaan hanya boleh menanggung sebahagian sahaja dari pembiayaan dan usaha yang dijalankan itu. Untuk jangkamasa panjang akhirnya rakyat Bumiputra mestilah juga membeli dan memiliki saham-saham tersebut. Ajensi-ajensi Kerajaan juga tidak berkemampuan memegang saham-saham itu untuk selama-lamanya.

Saya percaya tentang kebolehan saham-saham yang menguntungkan itu diambil oleh Bumiputra jika diusahakan dengan cara yang praktikal. Cara yang dicadangkan ini mempunyai besar kemungkinan untuk memberi kepercayaan kepada pelabur-pelabur Bumiputra bahawa ianya akan menguntungkan di samping memberi jaminan tentang keselamatan modal mereka itu. Cara ini juga akan membantu Kerajaan untuk menggalakkan Bumiputra mengambil saham-saham yang telah diperuntukkan kepada mereka.

Saya mencadangkan supaya sebuah institusi yang sedia ada ataupun satu lagi yang baharu ditubuhkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan sekim ini. Institusi ini boleh membantu Bumiputra dalam jangka panjang untuk membeli dan memiliki saham-saham yang telah diperuntukkan kepadanya. Institusi ini boleh dinamakan Institusi Pelaburan Bersama atau huruf ringkasnya IPB.

Institusi Pelaburan Bersama (IPB) ini akan menggunakan kemudahan memperoleh pinjaman dari bank-bank perdagangan yang pada masa ini mengalami kesukaran untuk memenuhi quota pinjaman mereka yang diuntukkan kepada Bumiputra kerana sedikit benar orang Melayu yang mampu meminjamnya. Ini bersesuaian benar dengan masalah yang dihadapi oleh setengah bank-bank perdagangan asing khasnya yang terhad kebolehannya memberi pinjaman kepada Bumiputra kerana ketiadaan cawangan-cawangannya yang cukup di seluruh negara. Bank-bank seperti ini bolehlah memberi pinjaman terus kepada institusi pelaburan bersama yang saya cadangkan tadi yang mewakili kepentingan Bumiputra untuk kegunaan pelaburannya. Pinjaman yang diberi ini bolehlah dianggap sebagai memenuhi sebahagian daripada quota pinjaman kepada Bumiputra.

Untuk menentukan supaya Institusi Pelaburan Bersama (IPB) ini mendapat pendapatan yang stabil dan tetap dari syarikat-syarikat yang belum mampu mengeluarkan dividen tetapi menajukkan kemajuan yang memuaskan, maka IPB bolehlah melabur dalam syarikat-syarikat tersebut dengan cara membeli 'convertible debenture'. Convertible debenture ini akan dapat menyumbangkan pendapatan tetap bagi kemampuan membayar balik faedah pinjaman ataupun bank interest. Seterusnya, convertible debenture ini akan ditukar menjadi saham ekuiti dalam syarikat tersebut apabila syarikat tersebut mula mengeluarkan dividen ataupun keuntungan.

Sijil convertible debenture ini boleh dijadikan sebagai cagaran oleh IPB yang dicadangkan dalam memperoleh pinjaman daripada

bank-bank perdagangan. Pembelian convertible debenture oleh IPB ini saya cadangkan supaya dianggap dan diambil kira sebagai penyertaan ekuiti oleh Bumiputra dan dengan ini memenuhi syarat-syarat yang dikenakan di atas syarikat-syarikat tersebut untuk mendapatkan penyertaan Bumiputra.

Dengan menggunakan pinjaman daripada bank maka kuranglah bebanan Kerajaan memberi sumbangan kewangan yang banyak dan berterusan kepada Bumiputra. Peraturan-peraturan hendaklah diadakan untuk membolehkan Bumiputra yang berkemampuan mengambilalih saham-saham dari IPB atau Institusi Pelaburan Bersama itu dan saya mencadangkan ada dua jalan:—

- (i) dengan menawarkan saham-saham ekuiti yang ada dalam simpanan terus kepada Bumiputra yang mampu dengan harga kos yang asal waktu ianya dibeli.
- (ii) dengan cara Bumiputra membeli yunit-yunit dalam tabung saham amanah yang diuruskan oleh IPB itu sendiri. Yunit-yunit saham amanah ini apabila telah mencapai harga yang baik boleh dijual dan ditukarkan dengan saham-saham ekuiti yang dimiliki oleh IPB dengan cara yang menguntungkan.

Cadangan saya ini bolehlah disifatkan satu cara baharu untuk membantu Bumiputra membeli saham dengan kepercayaan mendapat keuntungan yang memuaskan. Di samping itu mereka boleh mempelajari secara praktik melalui pengalaman mengambil bahagian dalam aktiviti IPB ini.

Rancangan yang dicadangkan ini memang banyak memberi faedah dari beberapa segi:—

- (i) Memudahkan usaha Kerajaan menggalakkan Bumiputra bertindak dengan penuh yakin membeli saham-saham yang baik yang telah diperuntukkan yang boleh mendatangkan keuntungan.
- (ii) Bank-bank perdagangan yang menyalurkan pinjaman pula dengan mudah

dapat menambah jumlah pinjaman yang dikhaskan ataupun diuntukkan kepada Bumiputra.

- (iii) Pelabur-pelabur Bumiputra boleh mendapat faedah dari membeli yunit-yunit saham amanah yang dapat kemudiannya ditukarkan dengan saham-saham ekuiti yang dipegang oleh institusi yang dicadangkan. Ini menguntungkan Bumiputra kerana harga pasaran saham tersebut berkemungkinan lebih tinggi dari kos saham yang asal waktu dibeli.
- (iv) Bumiputra yang mampu pula boleh membeli saham ekuiti terus dari IPB.
- (v) IPB juga boleh memudahkan syarikat-syarikat memperoleh penyertaan ekuiti Bumiputra. Ini untuk membolehkan syarikat-syarikat tersebut mendapatkan berbagai-bagai faedah dan insentif yang diadakan di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Ini adalah satu cara baru sebahagian daripada ikhtiar untuk membantu pencapaian matlamat penyertaan Bumiputra sebanyak 30% sebelum 1990. Cara yang dicadangkan ini hendaklah ditimbang segera dengan tidak berlengah lagi. Kita cuma ada 13 tahun sahaja lagi untuk mencapai matlamat yang besar ini.

Saya yakin cadangan saya ini akan memesatkan penyertaan pelabur Bumiputra dengan cara yang menguntungkan, di samping dapat membantu merengangkan beban pihak yang terlibat baikpun pihak Kerajaan, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat yang memerlukan penyertaan Bumiputra.

Sepuluh tahun lalu konsep saham amanah adalah amat baru kepada Bumiputra. Tetapi sekarang ianya telah berkembang pesat dengan 'viable' dengan memberi faedah di mana syarikat yang berkenaan seperti Komplek Kewangan telah berjaya melancarkan tabung ke 9. Saya percaya cara IPB ini boleh mendatangkan faedah yang lebih besar. Apatah lagi jika institusi ini diberi peluang bergerak

misalnya dengan dikhaskan peruntukan \$200 juta buat permulaan. Jumlah ini boleh menjadi asas pelaburan yang lebih besar lagi.

IPB ini ada harapan akan berjaya kiranya Kerajaan menawarkan beberapa insentif-insentif seperti mengurangkan cukai atau memanjangkan period (tempoh) 'pioneer status' kepada mana-mana syarikat yang mahu mengambil bahagian dalam sekim ini. Ini dibuat untuk faedah peniaga dan rakyat berpendapatan kecil. Langkah begini adalah langkah biasa dibuat oleh Kerajaan yang selalu memikirkan galakkan pelaburan.

Kita perlu mencuba dan menjalani berbagai cara atau 'media' untuk mempercepatkan penyertaan Bumiputra dalam pelaburan saham ekuiti. Semoga mereka yang mengambil bahagian dapat menikmati hasil perkembangan ekonomi negara. Konsep IPB ini harus kita fikirkan dengan serius untuk dilaksanakan segera jika didapati boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh soal penyertaan hak milik oleh kaum buruh di dalam syarikat-syarikat di mana mereka itu bekerja dan mengutarakan suatu cadangan yang dinamakan Employee Share Ownership Plan (ESOP).

Masih terdapat sebilangan besar syarikat-syarikat dalam negeri ini samada pihak swasta mahupun badan-badan berkanun kerajaan yang masih belum mengadakan sekim yang bertujuan memberi peluang kepada pekerja-pekerja masing-masing memiliki saham ekuiti dalam syarikat-syarikat di mana mereka itu bekerja.

Satu daripada tujuan Dasar Ekonomi Baru (New Economic Policy) ialah untuk menambah dan menggalakkan lebih ramai lagi penyertaan rakyat negeri yang layak dalam ekuiti-ekuiti syarikat-syarikat yang berniaga dalam negeri ini. Setakat ini pencapaian ke arah matlamat ini tidaklah menggalakkan malah mengeciwakan. Mungkin satu daripada sebab-sebabnya ialah kerana pihak kerajaan

tidak memberi galakan tertentu kepada pekerja-pekerja dan juga kepada pihak syarikat-syarikat sendiri.

Saya mencadangkan supaya diwujudkan satu rancangan menyeluruh tentang penyertaan ekuiti oleh pekerja-pekerja syarikat dalam struktur permodalan syarikat yang menjalankan perniagaannya dalam negeri ini yang dinamakan Employee Share Ownership Plan atau dengan huruf ringkasnya ESOP.

Kepentingan pihak majikan yang paling utama dalam sesebuah syarikat biasanya ialah untuk mendapat keuntungan maksima. Kepentingan pekerja-pekerja pula ialah untuk mendapatkan ganjaran perkhidmatan yang lebih baik, termasuk gaji dan lain-lain faedah tambahan.

Di bawah rancangan ini, syarikat-syarikat swasta hendaklah menawarkan saham-sahamnya kepada pekerja-pekerja supaya mereka mempunyai hakmilik dan kepentingan (stake) dalam syarikat itu. Walaupun dari segi kuantitinya 'stake' mereka itu tidak besar tetapi faedahnya besar dan berkesan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini mendatangkan faedah tambahan seperti:—

- (i) menimbulkan semangat dedikasi dan taat di kalangan pekerja-pekerja itu terhadap syarikat;
- (ii) menggalakkan pekerja-pekerja berjimat-cermat;
- (iii) menguatkan kepercayaan pekerja dan orang ramai terhadap syarikat;
- (iv) menambahkan mutu pengeluaran dan pembahagian pendapatan dan keuntungan yang lebih adil kepada kedua belah pihak;
- (v) menstabilkan harga saham syarikat dengan menggalakkan penubuhan satu kumpulan atau pemegang ahli saham yang kuat dan bertanggungjawab; dan
- (vi) pekerja-pekerja dapat menikmati keuntungan yang didapati oleh syarikat mereka.

Dalam perkara ini Allahyarham Tun Abdul Razak telah pernah menyeru syarikat-syarikat swasta supaya mengamalkan dasar pembahagian keuntungan kepada kakitangan. Beliau telah pernah mengarahkan anak-anak syarikat kepunyaan agensi-agensi kerajaan juga mengambil daya utama dalam pelaksanaan dasar ini. Malangnya rancangan yang baik ini tidak bergerak, terbengkalai begitu sahaja.

Untuk melaksanakan rancangan ini adalah diseru supaya kerajaan menganjurkan syarikat-syarikat swasta terutamanya syarikat awam yang saham mereka telah disenaraikan di Pasaran Saham memulakan rancangan ini dengan menubuhkan satu badan atau persatuan yang akan mengendalikan rancangan penyertaan ekuiti saham oleh pekerja-pekerjanya.

Bagi menjayakan rancangan ini, galakan-galakan tertentu hendaklah disediakan kepada pekerja-pekerja dan juga kepada syarikat yang terlibat, umpamanya supaya menarik minat mereka untuk menjayakan rancangan ini.

#### *Galakan kepada kakitangan*

- (a) Pihak Majikan hendaklah membuat caruman yang nyata bagi tiap-tiap \$1/- yang dicarumkan oleh pekerja.
- (b) Majikan hendaklah memberi satu galakan kepada pekerja syarikat yang memegang dan masih memegang semua sahamnya lebih daripada 5 tahun untuk membolehkan mereka itu membeli lebih banyak saham terutama saham baru.
- (c) Melalui rancangan ini, Majikan boleh menubuhkan satu "Rancangan Pinjaman Pekerja-pekerja" dalam syarikat itu sendiri yang pinjamannya tidak dikenakan bayaran faedah, berasaskan atas cagaran saham milik kakitangan itu sendiri.
- (d) Syarikat, melalui rancangan ini juga, boleh menubuhkan satu "Sekim Pinjaman Perumahan" dengan bayaran

faedah yang berpatutan berasaskan sandaran saham-saham pekerja itu sebagai cagaran.

Kepada mana-mana syarikat yang mahu menyertai sekim ini pula hendaklah diberikan insentif oleh kerajaan seperti memberi pertimbangan khas pekerja yang menerima sumbangan Majikan dalam bentuk wang dalam satu tahun dan sumbangan berikutnya tidak melebihi \$2,000/- hendaklah dikecualikan dari bayaran cukai. Dengan adanya insentif seperti ini akan menarik minat syarikat-syarikat menyertai rancangan yang saya cadangkan.

Rancangan yang diterangkan di atas adalah selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru (New Economic Policy) untuk menambah bilangan pekerja dalam negeri ini memiliki saham-saham syarikat swasta di mana mereka bekerja. Seruan sahaja tidak mencukupi bagi membuka jalan kepada pekerja dan syarikat menjayakan rancangan ini. Apa yang saya titikberatkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah langkah daripada Kerajaan sendiri untuk menganjurkan penubuhan persatuan seperti penanaman modal pekerja-pekerja dan insentif yang patut diberikan kepada syarikat-syarikat. Dengan cara demikian sahaja kedua belah pihak akan tampil kemuka dan menjayakan rancangan ini merupakan sebagai satu rancangan baru yang sangat memberi faedah kepada perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan semula dalam perbincangan Belanjawan tahun lalu, saya telah mengemukakan cadangan supaya Kerajaan mengadakan satu undang-undang bagi menggalakkan dan membantu developer-developer Malaysia menjalankan perusahaan di luar negeri terutama di negara-negara Asia Barat. Walaupun cadangan saya tidak mendapat perhatian pada waktu itu tetapi saya berasa amat sukacita kerana cadangan saya itu dengan tidak sengaja telah menjadi satu kenyataan pada

hari ini apabila Kerajaan Saudi Arabia menawarkan kerja membina rumah-rumah yang berharga \$2.8 billion kepada developer-developer daripada Malaysia. Dan amatlah menggalakkan apabila didapati developer Malaysia telah menunjukkan kesanggupan mereka menerima tawaran tersebut. Faedah yang boleh didapati terbit daripada tawaran ini adalah banyak dan nyata sekali. Oleh kerana ini merupakan satu projek yang terbesar sekali yang belum pernah dilaksanakan oleh developer-developer Malaysia di luar negeri pada masa yang lalu maka pada fikiran saya Kerajaan mestilah campurtangan dan memberi bantuan maksima untuk menentukan bahawa projek ini mendapat kejayaan sepenuhnya kerana dengan kejayaan sepenuhnya rancangan ini akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia dapat menjalankan lebih banyak pekerjaan-pekerjaan di negeri-negeri Timur Tengah atau Asia Barat itu.

Bantuan daripada Kerajaan yang patut diberikan kepada projek seperti ini mengikut perhitungan saya ialah:—

- (1) Mengadakan satu insentif seperti mengurangkan cukai pendapatan untuk menggalakkan developer-developer Malaysia mengambil kerja-kerja di luar negeri. Walaupun Kerajaan rugi tentang pengurangan cukai pendapatan, cukai perniagaan tetapi Kerajaan mendapat banyak untung daripada foreign exchange.
- (2) Kerajaan hendaklah membantu melatih pekerja-pekerja mahir, kerana kerja yang begitu besar yang dijalankan di Timur Tengah berkehendakkan pekerja-pekerja mahir yang sangat banyak yang saya percaya developer kita tidak mempunyai kemampuan untuk mengadakan latihan-latihan yang besar seperti itu; dan
- (3) Membantu mengadakan wang per-taruhan yang mungkin tidak dapat diadakan oleh developer-developer sendiri ataupun oleh bank-bank tempatan.

Peluang keemasan ini tidak patut dilepaskan kerana negara banyak mendapat faedah daripada foreign exchange dan memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penganggur-penganggur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang terakhir dalam ucapan saya yang ringkas ini ialah mengenai perusahaan pelancungan.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan tiga perkara bagi mempesatkan lagi perusahaan pelancungan di Malaysia.

- (1) Mengecualikan cukai-cukai atas pembelian bas-bas pelancungan. Pada masa ini didapati bas-bas pelancungan tidak cukup dan persatuan-persatuan pelancungan bimbang hendak membeli bas-bas yang mahal harganya kerana mereka tidak ada jaminan untuk mendapat keuntungan daripada modal yang dikeluarkannya. Kekurangan bas pelancungan menyebabkan timbul berbagai-bagai kesulitan dan melemahkan perusahaan pelancungan itu sendiri.
- (2) Kerajaan hendaklah mengadakan lebih banyak duty free shop supaya menggalakkan pelancung-pelancung membeli lebih banyak barang-barang daripada Malaysia. Kesulitan-kesulitan yang akan dihadapi di atas penyalahgunaan penjual barang-barang daripada duty free shop itu bukanlah satu perkara yang susah untuk diatasi. Jika di negara-negara lain hal ini telah dapat dijalankan dengan sempurna tidak ada sebab di Malaysia kita tidak boleh menjalankan rancangan ini dengan baik. Dengan adanya duty free shop itu akan menambahkan lagi pemasaran barang-barang di Malaysia dan akan menimbulkan banyak cabang-cabang perniagaan. Dan Malaysia akan memperolehi lebih ramai pelancung-pelancung datang ke negeri ini.

- (3) Saya mencadangkan perkhidmatan penerbangan MAS hendaklah lebih liberal lagi dengan membenarkan lebih banyak chartered flight untuk sementara waktu masuk ke Malaysia. Saya bersetuju supaya Syarikat Penerbangan MAS dapat membuat keuntungan yang banyak tetapi dalam pada itu beberapa kelonggaran sekalipun MAS terpaksa menanggung sedikit kerugian patut ditimbang untuk membolehkan lebih ramai pelancung-pelancung datang melawat negeri kita yang akan mendatangkan faedah jangka panjang yang lebih besar kepada negara.

Jika sekiranya kita mengharapkan semata-mata penerbangan MAS sahaja membawa pelancung-pelancung, maka jumlah pelancung-pelancung yang datang ke negara kita tentulah terhad. Mengikut jangka panjangnya apabila dilonggarkan perkara ini, saya percaya jumlah pelancung-pelancung akan bertambah ramai masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan penuh di atas ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan dan saya ucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kerajaan terutama sekali kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan dalam Dewan ini satu Anggaran Perbelanjaan tahun 1978 yang dapat diterima dengan baik oleh semua pihak. Apa yang saya suka sebutkan di sini inilah hasil perjuangan kita bersama seluruh rakyat, ahli-ahli politik, ahli-ahli perniagaan, ahli-ahli perusahaan, selama 20 tahun kita mencapai kemerdekaan dan dapat melahirkan satu Budget yang sangat elok di mana bukan sahaja cukai-cukai tidak dinaikkan tetapi sebaliknya kita sanggup menurunkan cukai daripada yang telah dikenakan dahulu. Kita berharap benar-benar negara kita akan menjadi sebuah negara yang selalu dilaungkan oleh PAS iaitu sebuah negara "baldatun taiyibatun warabbun ghafur".

5.26 ptg.

**Tuan Jaafar bin Hamzah (Johor Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka turut sama mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas ucapan Belanjawan Negara bagi tahun 1978 yang menggariskan beberapa faktor yang menitikberatkan aspek kemajuan negara di dalam bentuk menyusun semula masyarakat mengikut lunas-lunas Dasar Ekonomi Baru yang keseluruhannya mengambil perhatian yang luas serta menitikberatkan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di luar bandar khususnya kaum tani dan nelayan. Saya juga mengalu-alukan di atas sikap dan pandangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang juga menggariskan kadar cukai baharu yang sangat menggalakkan dan sama sekali tidak menjejaskan ekonomi rakyat yang berpendapatan rendah mengikut purata dengan tujuan bagi membangunkan negara Malaysia yang mana pada masa ini sedang mendapat perhatian serta pandangan yang tinggi oleh negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka juga mengambil kesempatan dan peluang di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas peranan dan sikap yang telah ditunjukkan kepada negara-negara maju semasa persidangan kemuncak negara-negara ASEAN yang telah diadakan pada bulan Ogos, 1977 yang lalu di Kuala Lumpur. Persidangan kemuncak ASEAN itu telah menggambarkan kemampuan dan keupayaan negara Malaysia untuk terus berganding bahu serta sanggup memikul tanggungjawab bersama bagi faedah dan kepentingan negara kita bersama bagi menuju ke arah kemajuan seimbang dan setaraf dengan negara-negara maju. Dengan adanya kemuncak ASEAN ini negara-negara maju telah memesongkan pandangannya kepada negara-negara serantau lebih-lebih lagi negara Malaysia kita ini yang bersedia serta

sanggup mengadakan perjumpaan-perjumpaan dan dialog-dialog dengan negara-negara lain yang ingin mengetahui konsep ASEAN lebih-lebih lagi sikap liberal Kerajaan Malaysia yang inginkan aman, damai dan berkecuali dan dengan sebab itu saya percaya Jepun, Australia dan New Zealand adalah merupakan negara-negara yang mempunyai sifat dan sikap mahu berkerjasama serta sanggup memberi pertolongan dan bantuan yang diperlukan oleh negara-negara serantau bagi membiayai segala rancangan pembangunan di negara-negara tersebut.

Saya percaya dengan adanya lawatan balas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Negeri Jepun, ke Britain dan seterusnya ke New York kerana menghadiri Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu baharu-baharu ini tentu sekali akan memberi faedah yang sangat-sangat menggalakkan kepada negara kita sendiri. Sebagai sebuah negara yang membangun Malaysia memang sangat-sangat mengharapkan kepada dorongan, sokongan, pertolongan serta bantuan negara-negara maju yang mana tidak mempunyai sifat terus-menerus berdiam diri. Masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun telahpun dibawa di dalam beberapa persidangan antarabangsa dan berbagai-bagai kesimpulan dan keputusan telah dicapai untuk mengatasi masalah-masalah yang sedia ada dengan mendapat kata sepakat bagi mengatasi kesulitan-kesulitan dan juga masalah-masalah itu. Oleh yang demikian, saya percaya dengan adanya peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia kita telah dapat mengenalkan negara Malaysia yang sebenarnya kepada negara-negara maju dan dengan yang demikian dapat memberi jalan serta membuka pintu kepada negara-negara maju untuk menolong dan membantu negara-negara membangun seperti Malaysia kita ini, tetapi tidak lagi negara-negara maju ini mempunyai satu sikap membisu dan melihat sahaja terhadap negara-negara membangun sebagaimana yang sudah-sudah, bahkan mempunyai sikap yang baharu, negara miskin mesti ditolong negara membangun mesti dibantu.

Peranan bagi mengenalkan negara Malaysia di negara-negara maju boleh juga dimainkan bersama oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat ini. Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perkara ini berpandukan kepada pengalaman saya sendiri di mana Kerajaan telah dapat menghantar satu rombongan termasuk saya sendiri bagi membuat lawatan-lawatan ke Negara Eropah baharu-baharu ini di mana kita bukan sahaja berbincang dengan pihak pemimpin-pemimpin bahkan kita berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat dengan Ahli-ahli Parlimen di negara-negara maju yang telah kita lawati itu. Oleh yang demikian, saya berpendapat sekiranya dapat pihak Kerajaan hendaklah menghantar beberapa ramai lagi Ahli-ahli Parlimen kita untuk mengunjungi negara-negara maju apabila jemputan rasmi disampaikan kepada negara kita untuk melawat negaranya oleh Ahli-ahli Parlimen kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada Ucapan Belanjawan bagi tahun 1978, izinkan saya menyentuh beberapa perkara sebagai renungan kita bersama untuk diambil perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah perumahan di dalam negara kita ini, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang telah berusaha dan berikhtiar mencari jalan bagi mengatasi masalah perumahan yang sedang meningkat tinggi bagaimana kehendak dan kemahuan rakyat yang merupakan keperluan negara pada masa ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mendengar maklumat dan taklimat daripada Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam masalah mengatasi rancangan perumahan dan saya percaya masalah-masalah itu sedang pun diusahakan oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan itu sangat-sangat menggalakkan dan sangat-sangat disanjung tinggi, tetapi malangnya pihak Kementerian yang berkenaan ini tidak pula membuat satu

sekim yang selaras yang boleh dipergunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah perumahan di tiap-tiap negeri yang berkenaan itu. Dengan yang demikian, masalah timbul dan perasaan tidak puas hati oleh rakyat dalam negeri masing-masing selalu diperkatakan. Saya percaya sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan ini dapat mengadakan satu sekim yang selaras yang boleh diterima dan dipergunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, maka saya percaya masalah perumahan di dalam negara kita ini tentu akan dapat diatasi. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan tiga garis panduan yang patut diutamakan bagi menjayakan rancangan perumahan di dalam negara kita yang pertama, infrastruktur yang menyeluruh bagi menentukan kawasan yang sesuai bagi pembinaan rumah-rumah dengan diberi kelengkapan dan kemudahan. Di dalam hal ini Kementerian ini hendaklah mengetahui data-data yang cukup mengenai peratusan rumah yang telah dibina dan jumlah baki yang mesti diselesaikan mengikut keperluan rakyat di dalam negeri yang berkenaan itu. Ini semua adalah dengan tujuan bagi memudahkan Kementerian yang berkenaan untuk memastikan jumlah peratusan yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan bagi tiap-tiap negeri.

Yang kedua, memberi peruntukan yang cukup kepada tiap-tiap negeri mengikut kemampuan dan keupayaan negeri yang berkenaan itu bagi melaksanakan rancangan perumahan. Kejayaan bagi melaksanakan rancangan perumahan ini bergantung kepada kemampuan kewangan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan sebanyak \$132 juta bagi membiayai projek perumahan ini pada hemat saya tidaklah mencukupi. Namun demikian, saya percaya pihak Kerajaan akan sentiasa mengkaji kedudukan peruntukan ini daripada satu masa ke satu masa mengikut keperluan yang dikehendaki oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Apa yang saya harapkan bahawa peruntukan yang ada ini hendaklah disalurkan kepada Kerajaan Negeri dengan secepat mungkin setelah pihak Kementerian

yang berkenaan ini menerima segala laporan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri itu sendiri. Sering perkara ini ditimbulkan oleh Kerajaan Negeri disebabkan kelewatan menerima peruntukan yang diperlukan bagi membiayai projek perumahan pada tiap-tiap peringkat pelaksanaan rancangan perumahan.

Yang ketiga, mengadakan satu syarat kepada pihak swasta untuk memainkan peranan bersama di dalam mengatasi masalah perumahan di tiap-tiap negeri yang berkenaan. Peranan swasta juga adalah penting bagi mencapai matlamat dan cita-cita Kerajaan untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah di dalam masalah perumahan ini. Setakat hari ini pihak swasta hanya memikirkan daripada segi keuntungan tetapi tidak pula memikirkan daripada keperluan dan kepentingan rakyat. Ini semua disebabkan pihak Kerajaan tidak dapat mengadakan satu syarat yang boleh menolong serta membantu pihak Kerajaan sendiri di dalam usaha-usaha untuk mengatasi masalah perumahan ini.

Oleh yang demikian, saya suka memberikan tiga cadangan yang boleh memberi kesan yang baik di dalam mengatasi masalah perumahan ini yang sering berlaku di dalam negara kita ini supaya pihak swasta dapat memainkan peranan bersama. Yang pertama, dicadangkan kepada pihak swasta mesti menggunakan quota 30% daripada pembinaan rancangan perumahan bagi bumiputra diberi 15% potongan daripada harga rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta itu sendiri.

Yang kedua, pihak swasta mesti dikenakan syarat bahawa 40% daripada rancangan perumahan itu hendaklah didirikan rumah-rumah murah yang berharga tidak lebih daripada \$13,000 pada tiap-tiap satu unit yang mana selesai sahaja pembinaan rumah-rumah murah ini, pihak swasta hendaklah menyerahkan kepada pihak Kerajaan Negeri atau Badan-badan Berkanun peringkat negeri untuk mengendalikan urusan pembahagian kepada rakyat yang berpendapatan rendah

dengan tujuan untuk mengelakkan spekulasi perumahan berlaku.

Yang ketiga, sekiranya syarat-syarat ini tidak dipatuhi, maka pihak Kerajaan Negeri hendaklah mempunyai pendirian yang tegas dengan tidak memberikan kelulusan atas permohonan ubah syarat dan belah-bahagi yang dipohonkan oleh pihak swasta itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya cadangan ini maka akan dapat memberi kesan yang baik dan seterusnya akan dapat mengatasi masalah perumahan yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat yang dahagakan rumah sebagai tempat perlindungan bagi menjamin masa hadapan mereka kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bahan-bahan utama negara seperti getah asli, tin, oil-palm, dan lada hitam yang merupakan pengeluaran yang terbesar yang memainkan peranan dan struktur ekonomi negara tentu sekali dapat disambut baik oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dengan adanya kesanggupan pihak Kerajaan kita menurunkan cukai di atas barang-barang yang tertentu, saya juga mengalu-alukan atas usaha Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang telah dapat menyediakan satu memorandam bagi dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara bagi mendapatkan bantuan tambahan tanaman semula getah sesuai dengan keadaan dan peredaran masa sekarang ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan itu kerana langkah-langkah yang telah diambil bagi mendapatkan pasaran yang lebih meluas lagi berhubung dengan pengeluaran bahan-bahan utama negara kita yang mana pada masa ini mendapat sambutan yang sangat-sangat menggalakkan. Saya percaya usaha-usaha ini akan terus dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan lebih-lebih lagi untuk mendapatkan harga yang berpatutan setimpal dengan pengeluaran yang diperlukan oleh negara-negara maju dan bahan-bahan ini

merupakan barangan eksport yang terbesar yang dikeluarkan oleh Negara Malaysia kita.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi berasa tidak puashati dengan sikap negara-negara pembeli bahan-bahan utama ini kerana tidak memberi kerjasama yang sepenuhnya di dalam menstabilkan harga-harga barang-barang tersebut dan oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil perhatian supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serius bagi mengkaji serta menentukan struktur penjualan bahan-bahan utama keluaran negara Malaysia ini dan juga bahan-bahan utama yang dikeluarkan oleh negara-negara membangun agar dapat mengadakan satu perundingan yang kelak akan memberi kesan di dalam hal ehwal menentukan harga-harga barang pengeluaran negara membangun yang dibeli oleh negara maju.

Setakat hari ini negara-negara maju sahaja-lah yang menentukan harga barang-barangan yang dibeli daripada negara-negara membangun sedangkan negara-negara membangun ini tidak dapat mengadakan satu formula yang menetapkan penjualan barangan yang berkenaan itu. Oleh yang demikian, saya rasa adalah sampai masanya negara-negara membangun ini mengadakan satu perundingan yang boleh memberi kesan dan faedah yang berguna bagi menstabilkan harga-harga tersebut supaya negara-negara membangun tidak ditekan dan ditindas oleh negara-negara maju. Sekiranya cadangan saya ini dapat dilaksanakan tentu sekali akan mendatangkan keuntungan yang lebih besar lagi di dalam struktur memperkokohkan ekonomi negara membangun termasuk negara Malaysia kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, saya sukalah memberi sedikit pandangan. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri mengikut Belanjawan tahun 1978 akan mendapat peruntukan yang besar

bagi membiayai projek-projek yang sedang dan akan diusahakan oleh Perbadanan-perbadanan yang berkenaan. Terdapat kebanyakan daripada Perbadanan-perbadanan ini telah tidak menjalankan kegiatan dengan begitu memuaskan dan dengan keadaan yang demikian telah menjadi sungutan dan rungutan orang ramai. Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri hendaklah memikirkan cara-cara perusahaan yang boleh menguntungkan daripada menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh merosakkan ahli-ahli perniagaan yang terdiri daripada kaum bumiputra sendiri. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Perbadanan hendaklah jangan bertentangan dengan bidang-bidang perniagaan yang dijalankan oleh usahawan-usahawan bumiputra tetapi hendaklah memikirkan rancangan-rancangan yang besar yang tidak dapat dipikul oleh kaum bumiputra sendiri. Di dalam negara kita ini masih banyak lagi saham-saham yang berlebihan yang dipegang oleh kaum-kaum asing yang bukan warganegara Malaysia seperti ladang-ladang dan juga syarikat-syarikat yang besar yang memiliki lebih daripada 60% daripada ekonomi negara kita ini. Oleh yang demikian, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk berusaha serta lain-lain Badan Berkanun bagi mengambilalih saham-saham kepunyaan orang-orang yang bukan warganegara Malaysia. Kalau rancangan ini dapat dijalankan oleh seluruh Perbadanan-perbadanan yang ada ataupun Badan-badan Berkanun yang ada di dalam negara kita ini, maka matlamat dan hasrat Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru akan tercipta sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh sebahagian daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang ada di dalam tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa contoh, sungguhpun saya datang daripada Negeri Johor, bukanlah pula bagi saya untuk hendak mengagung-agungkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor; tetapi daripada segi apa yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

Johor sendiri bahawa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor ini telah dapat berusaha bagi membeli saham sebanyak lebih-kurang 49% yang dahulunya dipegang oleh orang-orang yang bukan daripada warganegara Malaysia iaitu satu kumpulan yang terbesar seperti Kumpulan Kulin Sendirian Berhad dan baru-baru ini Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor telah dapat juga mengambilalih saham daripada Syarikat Rivertax Malaysia Berhad yang merupakan satu syarikat yang terbesar yang dipegang oleh orang-orang yang bukan daripada negara Malaysia.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini akan dapat berusaha mencari dan berikhtiar serta menyelaraskan usaha-usaha perbadanan-perbadanan yang ada di dalam negara kita ini, maka saya percaya segala cita-cita dan hasrat Kerajaan bagi memastikan dalam tahun 1990 yang akan datang maka ekonomi negara kita ini akan tentu berada di dalam keadaan yang sangat-sangat memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya fikir molek saya bawa dalam Dewan yang mulia ini ialah berhubung dengan Perkhidmatan Penerbangan MAS. Saya rasa MAS sekarang ini mesti mengkaji semula daripada segi perkhidmatannya setelah melalui berbagai-bagai kesilapan. MAS akhir-akhir ini telah seolah-olah tidak mempunyai kemampuan untuk memberikan khidmat yang baik sebagaimana yang dikehendaki oleh pengguna-pengguna lebih-lebih lagi waktu musim haji. Boleh dikatakan sebilangan besar daripada rakyat Malaysia yang beragama Islam yang menunaikan fardhu haji pada akhir-akhir ini telah berminat untuk menggunakan kapalterbang sebagai kenderaan kegunaan untuk pergi ke tanah suci. Dan boleh dikatakan tiap-tiap kali penerbangan membawa jemaah haji ini ke tanah suci yang baru dijalan dan diusahakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh dikatakan tiap-tiap kali saya berada di dalam kawasan

Subang Airport. Dan saya rasa sangat-sangat musykil terhadap keadaan yang berlaku serta suasana yang berlaku pada waktu jemaah haji kita berkumpul tiap-tiap waktu jumaah haji itu belayar ke tanah suci.

Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Penerbangan MAS ini telah tidak dapat membuktikan atau memberikan kerjasama yang diperlukan. Sebagai contoh, jemaah haji pada tahun ini dan tahun-tahun yang lalu banyak rakyat Malaysia yang terdiri daripada orang-orang yang beragama Islam kian meningkat menunaikan fardhu haji dan tiap-tiap kali jemaah haji ini apabila hendak berlepas ke tanah suci dengan kapalterbang dimestikan datang ke Kuala Lumpur dan seolah-olah Subang adalah merupakan tempat berlepas jemaah haji untuk menunaikan fardhu haji. Ini adalah menyusahkan semua pihak yang berkenaan. Sepatutnya Perkhidmatan Penerbangan MAS boleh memikirkan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh jemaah-jemaah haji itu sendiri. Mengapa ditumpukan Lapanganterbang Antarabangsa Subang sahaja dijadikan pusat tempat jemaah-jemaah haji berlepas ke tanah suci sedangkan Kerajaan kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pembinaan lapanganterbang seperti di Senai, Johor Bharu, di Pulau Pinang dan juga di Kelantan dan ini semua telah tidak digunakan oleh pihak yang berkenaan.

Dalam hal urusan haji ini, saya sukalah mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya tempat-tempat penerbangan yang saya sebutkan tadi dapat digunakan sepenuhnya di dalam masa urusan haji ini dilaksanakan di masa-masa yang akan datang. Seperti di Pulau Pinang misalnya, mengapa tidak digunakan airportnya sebagai tempat jemaah-jemaah haji itu berlepas daripada negeri Pulau Pinang dan juga negeri-negeri yang berhampiran seperti Kedah, Perlis ataupun Perak untuk terus menunaikan haji supaya ini juga memudahkan pihak-pihak yang berkenaan. Di Subang boleh digunakan juga sebagai pusat (central) bagi kegunaan jemaah-jemaah

haji yang datangnya daripada Kuala Lumpur dan juga Negeri Sembilan. Di Johor Bharu, Senai Airport misalnya boleh digunakan oleh seluruh jemaah-jemaah haji yang datangnya dari Johor ataupun Negeri Melaka yang berhampiran dengan Negeri Johor. Di Kelantan misalnya boleh digunakan juga untuk Negeri Pahang dan juga Negeri Kelantan.

Ini semua akan memberi kesenangan kepada mereka yang terlibat, yang ingin menunaikan fardhu haji. Kalau sekiranya Subang Airport ini digunakan terus-menerus jemaah-jemaah haji akan menghadapi masalah-masalah seperti mengambil masa yang panjang daripada Johor Bharu ke Kuala Lumpur misalnya memakan masa 6-7 jam perjalanan. Di samping itu juga di dalam masa perjalanan jemaah-jemaah haji dibimbangkan akan berlaku sesuatu kemalangan yang tidak diingini. Seterusnya akan memakan perbelanjaan yang besar. Di samping itu juga akan menyusahkan keluarga-keluarga jemaah haji yang hendak menghantarkan saudara-mara dan sahabat handai untuk menunaikan fardhu haji.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya cadangan yang saya berikan baru sebentar tadi, saya percaya pihak yang berkenaan akan dapat menimbang dan mengkaji di atas kedudukan perkhidmatan penerbangan di masa-masa yang akan datang bagi memudahkan khususnya jemaah-jemaah haji yang menggunakan penerbangan kita di masa-masa yang akan datang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya di atas Belanjawan negara bagi tahun 1978.

5.58 ptg.

**Tuan Su Liang Yu (Beruas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas ucapan Belanjawan untuk tahun hadapan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 28hb Oktober, 1977

di Dewan ini kerana ianya akan memberi banyak faedah kepada rakyat seluruhnya. Walau bagaimanapun sukaiah saya mengambil perhatian tentang beberapa perkara yang berkaitan di dalam ucapan belanjawan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh serba sedikit mengenai kajian semula Rancangan Malaysia yang Ketiga. Walaupun terdapat kecacatan dalam implementasi dasar rancangan yang kurang memuaskan dan berkesan malahan Kerajaan perlu disanjung tinggi atas kesanggupan, keberanian dan ketekunan untuk mempergunakan daya usaha yang berkurangan dan memperolehi kemajuan besar di berbagai bidang dalam jangka pendek ini serta dapat meninggikan nilai hidup rakyat tanpa mengira kaum, agama dan keturunan. Kebahagiaan dan keharmonian yang dirasakan kini oleh rakyat adalah bukti kejujuran Kerajaan ternyata mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun tidak boleh menafikan bahawa Negara Malaysia memang terus maju dan sekarang merupakan sebuah negara yang berekonomi kukuh, stabil dan amat popular di mata dunia hari ini. Dalam hubungan ini saya berpendapat bahawa masih lagi terdapat kelemahan di sana-sini yang boleh diperbaiki dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga ini nanti.

Pertama, Kerajaan kita telahpun memper-setujui melaksanakan perubahan gaji mengikut dasar gaji baru Kabinet. Saya rasa pembangunan negara yang pesat tidak mencukupi bagi menjamin hidup mewah dan bermakna. Apa yang amat dikehendaki sekarang bukan gaji tinggi dalam hal meninggikan taraf hidup rakyat tetapi mengawasi serta mengurangkan harga barang-barang khasnya barang-barang utama yang kian melambung tinggi. Sekiranya ini dapat tercapai maka rakyat kita akan mendapat pekerjaan dan gaji yang tinggi. Kawalan harga barang-barang daripada melambung tinggi adalah amat diutamakan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua adalah mengenai dasar pertanian. Berhubung dengan ini saya minta Kerajaan mengadakan satu program pemberian tanah yang konkrit dan sistematik kepada orang yang memerlukannya supaya dapat mereka bercucuk tanam, berternak, mendirikan rumah untuk menambahkan pendapatan mereka. Yang amat dikesalkan ialah keadaan kekurangan besar orang-orang bukan Melayu yang tidak diberi peluang melibatkan diri serta mengerjakan projek Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, MARDI, FAMA dan sebagainya. Saya merayu kepada Kerajaan untuk menggalakkan lebih lagi orang-orang bukan Melayu memasuki badan-badan tersebut untuk mencerminkan identiti nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit terhadap perusahaan perikanan. Kerajaan kita telahpun memberikan keutamaan kepada perusahaan ini dengan mendirikan kompleks perindustrian baru di merata tempat terutama di kawasan luar bandar. Ini adalah satu tanda yang amat menggalakkan dan amat dialu-alukan oleh rakyat khasnya kaum nelayan kerana langkah sebegini akan meninggikan taraf hidup nelayan miskin yang ketinggalan selama ini dari kemajuan negara. Dalam hubungan ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya membekalkan alat-alat moden seperti sampans, jentera, jala dan lain-lain kepada nelayan yang memerlukannya. Selain daripada itu nelayan ini perlu dilengkapi dengan pengetahuan yang cukup moden tentang cara-cara menggunakan alat-alat moden ini secara efektif dan berkesan. Ini harus dilaksanakan dengan segera supaya lebih banyak lagi nelayan-nelayan miskin menangkap ikan di kawasan yang luas dan juga berpeluang menerima pendapatan yang berlebihan apabila kawasan penangkapan ikan mereka terisi zon ekonomi laut, seluas 200 batu yang telahpun dirundingkan di New York baru-baru ini. Di sini perlulah juga ditegaskan bahawa terdapat ramai nelayan yang berpeluang menerima bantuan daripada Kerajaan, tetapi menjualkan kesemuanya kepada orang lain tanpa menyedari bahawa

perlaksanaan mereka ini akan menyebabkan rezeki hidup mereka sangat terancam kelak. Perbuatan yang buruk, bodoh dan memalukan ini haruslah dihentikan. Di sini Pergerakan Koperasi boleh memainkan peranan menukar sikap mereka yang tidak berhasil ini. Apa yang dikehendaki kini adalah mental revolusi di kalangan nelayan.

Saya ingin mendesak Kerajaan untuk mempercepatkan proses pengeluaran lesen pukat tunda kepada nelayan-nelayan ini sebelum akhir tahun. Kelembatan meluluskan lesen tidak menyebabkan kebanyakan nelayan yang tidak pergi ke laut mencari rezeki. Yang amat dikesalkan ialah lesen mereka tidak dapat diluluskan, walaupun sampam mereka diperbaiki dan disimpan dalam keadaan yang memuaskan. Kerajaan telahpun mendirikan Kompleks Perikanan di Kampung Aceh, Dinding di bawah MAJUIKAN. Ini adalah satu langkah yang dibanggakan, tetapi kedudukannya tidak sesuai dalam hal pengangkutan kerana kawasan-kawasan perikanan lain yang terletak jauh harus mengangkut tangkapan mereka ke pusat Kampung Aceh. Ini tidak sesuai kerana terdapat kawalan berlaku, mengangkut hasil tangkapan itu misalnya perjalanan bot dari Pantai Remis ke Kampung Aceh akan memakan masa selama 4 jam dan masa ini mencukupi untuk sampai ke ibu kota Kuala Lumpur. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan menimbangkan kemungkinan membina sebuah Kompleks MAJUIKAN seperti yang diadakan di Kampung Aceh dan di Pantai Remis supaya mereka boleh memproses pendapatan mereka secara tempatan dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh secara ringkas mengenai beberapa perkara yang ringkas dan penting diharap ianya dapat dijadikan renungan kita bersama. Dasar pelajaran Malaysia memang tidak dapat disangkal bahawa usaha Kerajaan membasmi buta huruf di kalangan rakyatnya telahpun banyak mendatangkan menafaat dan ini seharusnya diberi sanjungan yang tinggi. Sepintas lalu jelaslah kepada kita bahawa se-

bahagian besar daripada Belanjawan kita telah diperuntukkan bagi kegunaan Kementerian Pelajaran. Ini secara langsung telah membuktikan daya usaha Kerajaan menitikberatkan peri mustahaknya pelajaran dan pendidikan di negara yang sedang giat membangun ini, tetapi biarlah kita sama-sama meneliti samada usaha dan tujuan Kerajaan itu benar-benar telah mengeluarkan hasil sepertimana yang dihasratkan, dan jika tidak, apakah ikhtiar dan langkah yang patut diambil untuk mengatasi kelemahannya. Sebagaimana yang kita sedia maklum satu kajian semula bersamping dengan Dasar Pelajaran Malaysia telah dijalankan dan Jawatankuasa itu telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri.

Meskipun tempoh sejak tertubuhnya Jawatankuasa itu telah sedemikian lama namun hasil daripada kajian itu nampaknya masih dirahsiakan atau dengan lain perkataan ianya adalah dalam proses dibekukan. Pada hemat saya pihak-pihak tertentu seperti kesatuan-kesatuan guru, pertubuhan-pertubuhan serta orang ramai telah bekerjasama membekukan memorandam-memorandam dan rumusan-rumusan masing-masing. Oleh itu saya rasa wajarlah lapuran daripada kajian itu disiarkan dengan segera dan seterusnya dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang masih terdapat jawatan-jawatan guru besar yang dipegang oleh mereka yang bukan kakitangan Kerajaan tetapi di bawah Lembaga Pusat. Ini adalah amat dikesali kerana yang sepatutnya kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mesti diberi keutamaan dalam perlantikan ke jawatan-jawatan itu. Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan supaya Lembaga Pusat itu dihapuskan dan sebagai gantinya guru-guru besar serta guru-guru yang masih di bawah Lembaga itu diresapkan ke dalam jawatan Kerajaan serta diberikannya peluang kepada golongan ini menikmati segala faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan seperti yang disyorkan dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Berhubung dengan laporan ini izinkanlah saya menyentuh tentang suatu kepincangan yang telah timbul khasnya terhadap guru-guru lepasan maktab yang berkelulusan STP/HSC, dengan pendeknya guru-guru CI. Inilah huraiannya. Selepas bertungkus-lumus selama dua tahun di maktab, guru-guru ini hanya ditawarkan gaji \$525 hingga \$1205, disebaliknya pula seorang pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan lain yang berkelulusan akademik yang sama tetapi tanpa sebarang latihan iktisat telah diberi tanggagaji \$485 hingga \$1205. Ini bermakna bahawa sewaktu guru ini mula bertugas rakannya yang bukan guru itu telah menerima gaji \$565 dan berada dalam tahun ketiga perkhidmatannya. Apakah tujuannya menjalani latihan perguruan jika ini bermakna kehilangan \$40 dan dua tahun perkhidmatan. Kehilangan kekananan yang dirasakan oleh mereka ini akan berpanjangan sehinggalah mereka bersara kelak. Jadi saya berpendapat bahawa usaha Kerajaan melipatgandakan bilangan guru mungkin akan gagal jika sekiranya anomali-anomali seperti ini tidak diselesaikan dengan segera.

Rancangan Sekim Pinjaman Buku-buku Teks. Sungguhpun ada akhirnya rancangan ini bertujuan baik tetapi selepas beberapa tahun perlaksanaannya kita telah dipertemu dan merasakan kelemahannya. Tujuan saya pada masa-masa yang lampau saya telah dapati bahawa banyak sekolah telah tidak dibekalkan buku-buku seperti yang telah ditetapkan. Ada kalanya sekolah-sekolah yang dimaksudkan ini hanya menerima bekalan pada pertengahan tahun. Ini telah mewujudkan berbagai masalah di mana pihak pelajar terpaksa belajar tanpa sebarang buku teks. Masalah ini telah menjadi rumit khususnya kepada mereka yang akan menduduki peperiksaan.

Seperkara yang ingin saya kemukakan ialah berkaitan dengan buku-buku yang sudah terkoyak mahupun hilang. Kita tidak dapat memaksa ibu-bapa atau waris-warisan pelajar menggantikannya kerana ini tentu akan membebankan lagi perbelanjaan mereka yang

sudapun sempit itu, tambahan pula gantirugi ini juga tidak semestinya mengatasi masalah ini. Memandangkan bahawa ada kalanya stok buku yang berkenaan telah kehabisan, dalam hubungan ini harus juga serba sedikit mengenai kerumitan yang dialami oleh pelajar-pelajar yang bakal memasuki peperiksaan, misalnya pelajar di Darjah V, Tingkatan III, Tingkatan V dan Tingkatan VI, kebanyakan daripada soalan-soalan peperiksaan mereka ini meliputi bahan-bahan pelajaran pada tahun-tahun sebelumnya. Jadi apakah daya dan cara mereka akan mengulangkaji perkara-perkara sedangkan buku-buku yang mereka pinjam di bawah rancangan ini terpaksa dikembalikan pada setiap penghujung tahun. Dari itu besarlah harapan saya agar Kementerian yang berkenaan dapat mengemukakan perkara ini dengan sewajarnya dan seterusnya mencari suatu langkah yang lebih konkrit yang memperkemaskinikan perlaksanaan rancangan tersebut.

*6.18 ptg.*

**Datuk Loh Fook Yen (Kluang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1978 bagi belanjawan tahun depan seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dari wang peruntukan belanja wang tahun depan, dengan terangnya, Kerajaan kita telah membuat sedaya-upaya supaya meninggikan taraf kehidupan rakyat kita. Peruntukan kepada projek bekalan elektrik dan air adalah dipertambahkan tahun demi tahun. Ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha dengan sungguh-sungguhnya supaya membekalkan elektrik dan air kepada semua kawasan-kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu perkara di sini, dalam kawasan pilihanraya saya Kluang, kampung-kampung baru seperti Paloh, Cha'ah dan Bekok sedang menghadapi masalah bekalan elektrik. Penduduk-penduduk di sana berharap bahawa Kerajaan dapat mencepatkan kewujudan projek elektrik di sana.

Dalam masa yang lampau, ketiga-tiga kawasan itu mendapat bekalan letrik dari syarikat letrik perseorangan. Tetapi, penduduk-penduduk menghadapi masalah kadar bayaran letrik, sungguhpun syarikat letrik itu dan pengguna-pengguna bersetuju menaikkan kadar harga letrik itu sebanyak 45 sen satu unit, tetapi kadar ini masih belum diluluskan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, bekalan letrik di kawasan-kawasan itu sentiasa diputuskan. Keadaan ini telah menyusahkan penduduk-penduduk di sana. Dengan kesalnya dalam masa ini pihak berkuasa tidaklah mengambil apa-apa tindakan supaya membetulkan keadaan itu. Oleh sebab ini saya berharap Kerajaan dapat mewujudkan projek bekalan letrik di kawasan-kawasan itu bagi kepentingan penduduk-penduduk di sana.

Sebagaimana yang boleh dinampak dari belanjawan itu adalah sebahagian besar telah diperuntukkan bagi perkhidmatan sosial, khasnya pelajaran yang menerima peruntukan yang terbesar, iaitu \$1,726 juta atau lebih-kurang sebanyak 21.4% daripada jumlah belajanjaan itu. Ini adalah satu langkah yang menggalakkan kerana belajanjaan atas pelajaran adalah satu pelaburan dalam sumber-sumber tenaga manusia. Oleh kerana melalui pelajaran, kita akan menjamin, bekalan tenaga manusia untuk kemajuan negara kita.

Dalam keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berbagai aspek atas pelajaran dalam Dewan yang mulia ini dan saya berharap bahawa Kementerian Pelajaran patut mengambil tindakan-tindakan yang perlu supaya membetulkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menerima sistem pelajaran nasional, iaitu 6 tahun pelajaran rendah percuma, dan dalam bahasa penghantar atas pilihan ibubapa mereka. Sebab itu, kita telah mempunyai satu sistem pelajaran rendah yang terdiri daripada aliran kebangsaan, atau jenis kebangsaan. Oleh kerana penerimaan itu, kita merasa, bahawa pemberian kemudahan-kemudahan pelajaran,

patutlah dijalankan dengan adilnya. Oleh kerana, menerima Sistem Pelajaran Kebangsaan, Kementerian Pelajaran bertanggungjawab menjamin bahawa sekolah-sekolah dalam dua aliran itu patut dijaga dengan sesuai, seperti dalam penyenggaraan program tambahan dan kemudahan-kemudahan yang lain. Baru-baru ini kita telah mendengar pengaduan atas tambahan atau pembinaan tambahan bilik darjah di sekolah-sekolah rendah China Jenis Kebangsaan yang tidak diberi kerjasama yang perlu, sungguhpun wang-wang itu telah dikutip tempatan supaya membina tambahan bilik-bilik darjah itu agar berselaras dengan pertambahan bilangan pelajar-pelajar itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui bahawa banyak tempat terutama sekali Petaling Jaya dan Klang di mana adalah bilangan besar penduduk Cina tetapi sekolah rendah tidaklah cukup. Oleh kerana adalah kehendak-kehendak Kementerian Pelajaran patutlah mengambil tindakan yang perlu supaya menambahkan bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah itu, atau membina supaya mengambil pelajar-pelajar itu, oleh kerana pelajaran ibunda adalah satu bahagian dalam sistem pelajaran kita. Ini adalah satu cara yang akan menolong-tinggikan usaha-usaha, mewujudkan satu masyarakat yang berbilang kaum yang bersatupadu. Adalah diperhatikan dalam ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa sebanyak 1,100 bilik darjah baru akan dibekalkan bagi pelajaran rendah itu. Saya berharap bahawa adalah secukup bilangan bilik darjah baru itu akan diberikan kepada sekolah-sekolah rendah China.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlulah mengkaji semula kemudahan-kemudahan bagi pengajaran Bahasa Malaysia dalam sekolah-sekolah rendah, khasnya dalam sekolah rendah jenis kebangsaan. Tidakkah dinafikan bahawa taraf Bahasa itu sangatlah lemah dan adalah perlunya menjamin bahawa taraf itu patut dikawal, jika tidak dipertingkatkan. Saya ingin bercadang bahawa

satu kajian patut dijalankan bukan hanya atas taraf sekolah, tetapi juga atas taraf latihan guru supaya menetapkan cara-cara yang terbaik yang digunakan dalam pengajaran bahasa itu. Kementerian Pelajaran patutlah menjamin bahawa program latihan guru khasnya dalam pengajaran bahasa patut disusun dengan sempurnanya supaya menghadapi keadaan itu. Kita berharap, pelajar-pelajar kita menamatkan pelajaran mereka dapat menguasai bahasa itu dan juga menjamin bahawa mereka akan boleh terus-menerus pelajaran mereka pada taraf menengah dan lebih tingginya.

Yang Berhormat Menteri itu juga menyatakan bahawa lebih empat buah kolej latihan guru baru akan dibinakan. Dengan tambahan itu, beberapa pusat sumber pelajaran supaya membekalkan latihan sambil bekerja kepada guru-guru kita akan diadakan. Kesemuanya ini akan memperbaiki kemudahan-kemudahan latihan guru kita berwujud sekarang. Tetapi adalah diharap dengan tambahan kemudahan-kemudahan tersebut kita mesti menegaskan atas mutu terutama atas kecakapan guru-guru kita dalam Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa lain yang mereka dikehendaki mengajar pelajar-pelajar kita dalam taraf rendah itu. Untuk pelajaran dan latihan satu jumlah sebanyak \$486 juta akan diperuntukkan bagi tahun 1978 — satu pelaburan sihat dalam sumber-sumber tenaga manusia bagi negara kita, dan juga sebagai satu perbelanjaan yang perlu sekiranya kita akan mengembangkan tenaga manusia kita.

Masalah lain yang dihadapi oleh ibubapa adalah mempelajari bahasa ibunda pelajar-pelajar itu khasnya dalam aliran kebangsaan. Mengikuti Akta Pelajaran (1961), atas tuntutan-tuntutan dibuat oleh 15 atau lebih ibubapa bagi mempelajari bahasa ibunda itu, sekolah berkenaan patut membekalkan kemudahan itu. Dalam tahun-tahun yang lalu, Akta ini tidaklah dipatuhi dengan sepenuhnya. Saya ingin mendapat satu penjelasan atas hal ini. Kemungkinannya, adalah disebabkan oleh guru besar sekolah itu tidaklah

memberi perhatian yang berat kepada Akta itu atau bahawa tidak ada guru-guru mengajar bahasa itu atau kadar pembayaran sangat rendah supaya menarik guru-guru itu membuat pengajaran itu. Setengah ibubapa telah memberitahu saya bahawa sangatlah keciwa bila mencuba mengadakan sekolah-sekolah itu membekalkan darjah-darjah bahasa ibunda itu. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran patut mengingati semua sekolah-sekolah bahawa ianya ialah satu undang-undang dalam Akta Pelajaran (1961) dan yang patut dipatuhi dan dijalankan dengan sepenuhnya. Bahasa ibunda patutlah dijadikan sebahagian susunan matapelajaran sekolah dan guru-guru berkelayakan patut dihantarkan kepada sekolah-sekolah berkenaan supaya membuat pengajaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa masalah berhubung dengan kesusahan guru-guru sementara kerana adalah sebilangan antara mereka telah dijadikan sebagai guru sementara lebih kurang selama 10 tahun. Bila Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan melatih guru-guru sementara itu, adalah perlunya bagi Kerajaan menimbangkan jangka masa pengajaran mereka sebagai guru-guru tetap. Tetapi jangka masa sepuluh tahun mungkin sangat lama untuk menjadikan seseorang sebagai guru sementara khasnya kerana pengajaran adalah satu kerja yang memerlukan semangat berkorban.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan bersungguh-sungguhnya bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberi perhatian berat kepada masalah itu dan menyelesaikan dengan secepat mungkin. Kita sedar pelajaran adalah satu bidang yang memerlukan wang perbelanjaan yang besar dan jika berjuta-juta ringgit itu yang kita melabur untuk bertujuan mendapat hasil-hasil yang baik, kita mesti menjamin bahawa tidaklah timbul sebarang kesilapan dalam perjalanan daripada pelajaran rendah hingga tertinggi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada banyak lagi hendak cakap?

**Datuk Loh Fook Yen:** Ada lagi sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*